

UNSUR-UNSUR METAFORA DALAM JANGAN BUNUH RAMA-RAMA

KARYA NOORDIN HASSAN: APLIKASI TEORI STILISTIK

SUHAIZA BINTI KHIR JOHARI

C18A0431

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

MALAYSIA

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR-UNSUR METAFORA DALAM JANGAN BUNUH RAMA-RAMA

KARYA NOORDIN HASSAN: APLIKASI TEORI STILISTIK

SUHAIZA BINTI KHIR JOHARI

C18A0431

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan) dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


2021

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

981225035492

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 18 Februari 2022



Tandatangan Penyelia

DR. NASIRIN BIN ABDILLAH
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Nama Penyelia

Tarikh : 18 Februari 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT dengan segala limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus Ijazah Sarjana Pengajian Warisan dengan Keahlian di Universiti Malaysia Kelantan.

Dalam menghasilkan projek penyelidikan ini saya akui banyak dugaan dan juga cabaran yang terpaksa diharungi berikutan norma baharu iaitu dimana keadaan negara yang dilanda wabak covid-19 pada masa kini. Oleh itu, saya menggunakan pelbagai alternatif seperti merujuk kepada sumber internet, artikel lepas dan sebagainya. Di samping itu, saya juga turut menggunakan pelbagai platform yang sedia ada seperti google meet, webex dan sebagainya bagi memudahkan proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Oleh itu, kekurangan dan kelemahan yang berlaku semasa penghasilan projek penyelidikan ini tidak mengurangkan rasa hormat dan terima kasih pengkaji kepada semua pihak yang sedia membantu dalam menghasilkan projek penyelidikan ini.

Kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia bagi penyelidikan ini iaitu Dr Nasirin B. Abdillah kerana sentiasa memberi nasihat, dorongan dan bimbingan kepada saya bagi menjayakan penghasilan tesis ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada kedua ibubapa saya dan juga kepada ahli keluarga saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam segala hal yang dilakukan dalam menuju kejayaan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak memberi dorongan serta pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana. Akhir kata, dengan penghasilan teks ini diharapkan dapat membantu generasi akan datang sebagai rujukan dalam pembelajaran.

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengenai Unsur-Unsur Metafora Dalam Jangan Bunuh Rama-Rama Karya Noordin Hassan: Aplikasi Teori Stilistik. Unsur-unsur metafora ialah merupakan satu gaya bahasa yang terdapat di dalam penggunaan bahasa dalam menghasilkan satu karya sastera supaya karya yang dihasilkan lebih bernilai dan mempunyai unsur keindahan dengan penggunaan bahasa yang berunsurkan metafora. Terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan di dalam penyelidikan ini seperti apakah unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan juga bagaimanakah unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data seperti kaedah melalui rujukan teks dan dokumen serta sumber daripada internet. Di dalam kajian ini juga menggunakan pendekatan Teori Stilistik. Kajian ini memfokuskan kepada unsur metafora dan juga kesan unsur metafora yang digunakan di dalam karya Jangan Bunuh Rama-Rama. Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur metafora yang diterapkan ke dalam hasil karya dapat memberi kesan yang positif dan juga kebaikan kepada karya tersebut dan sekaligus memberi kesan yang baik juga kepada khalayak.

Kata kunci: Metafora Jangan Bunuh Rama-Rama, Nordin Hassan, Teori Stilistik, Karya Sastera

ABSTRACT

This research on the Metaphorical Elements in Jangan Bunuh Rama-Rama by Noordin Hassan: Application of Stylistic Theory. Elements of metaphor is a style of language found in the use of language in producing a literary work so that the work produced is more valuable and has an element of beauty with the use of language that is metaphorical. There are several objective studies used in this research such as what is the metaphor of the elements found in Jangan Bunuh Rama-Rama and also how the metaphor of the elements in Jangan Bunuh Rama-Rama affects the production of the drama. In this study, researchers have used qualitative methods by using several methods of data collection such as methods through reference texts and documents as well as sources from the internet. In this study also uses the approach of Stylistic Theory. This study focuses on the metaphorical element as well as the effect of the metaphorical element used in the work Jangan Bunuh Rama-Rama. The results show that the metaphor of the elements applied to the work can have a positive and beneficial effect on the work and at the same time have a positive effect on the audience.

Keywords: *Metaphor Don't Kill Butterflies, Noordin Hassan, Stylistic Theory, Literary Works*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Metodologi Kajian	6
1.9 Kesimpulan	7
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Sorotan Kajian Lepas	8
2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Unsur Metafora	13
2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Gaya Bahasa	14
2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Pendekatan Teori Stilistik	17
2.3 Kesimpulan	18
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Rekabentuk Kajian	20
3.3 Kaedah Kajian	21
3.4 Teori Stilistik	25
3.5 Kerangka Konseptual	26

3.6 Kesimpulan	27
----------------	----

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	28
4.2 Unsur-Unsur Metafora Dalam Jangan Bunuh Rama-Rama	28
4.2.1 Embun Rahmat	32
4.3 Unsur-Unsur Metafora Memberi Kesan Terhadap Penghasilan Drama Jangan Bunuh Rama-Rama	32
4.3.1 Menggerakkan Imajinasi Khalayak	35
4.3.2 Menimbulkan Kesan Keindahan Di Dalam Drama	37
4.3.3 Mewujudkan Nilai Estetika Di Dalam Drama	39
4.3.4 Mengurangkan Penggunaan Bahasa Kasar Di Dalam Drama	42
4.3.5 Cerminan Emosi, Pemikiran dan Jati diri Bangsa	44
4.3.6 Menarik Perhatian Khalayak Kepada Drama	46
4.3.7 Berkesan Menyampaikan Sesuatu Di Dalam Drama	48
4.3.8 Gambaran Yang Jelas dan Tepat Kepada Khalayak	50
4.3.9 Penggunaan Bahasa Yang Ringkas, Padat dan Tersusun Rapat	51
4.9 Penutup	52

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	53
5.2 Rumusan Kajian	56
5.3 Implikasi Kajian	57
5.4 Cadangan	59
5.5 Kesimpulan	59

RUJUKAN	63
----------------	----

SENARAI JADUAL

3.5 Kerangka Konseptual	26
-------------------------	----

SENARAI RAJAH

4.3.2 Menimbulkan Kesan Keindahan Di Dalam Drama	36
4.3.6 Menarik Perhatian Khalayak Kepada Drama	46

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Metafora mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu di dalam mana-mana karya yang diterbitkan. Kekuatan dan keindahan bahasa yang digunakan oleh pengkarya adalah untuk menentukan kejayaan hasil karya sastera dalam menyampaikan idea, pemikiran dan lain-lain lagi. Pembinaan ayat, pembinaan frasa, penggunaan kiasa meliputi semua kepada gaya bahasa dengan menerapkan unsur-unsur keindahan. Diksi, simile, metafora, hiperbola dan banyak lagi gaya bahasa yang sinonim dan sering digunakan oleh pengkarya untuk diterapkan ke dalam hasil karya, sekaligus dapat memastikankarya tersebut lebih menarik dengan penggunaan gaya bahasa untuk menyampaikan hasil karya dengan menarik. Di dalam kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* karya Noordin Hassan di mana metafora ialah merupakan kiasa atau perbandingan yang mempunyai maksud yang penuh dengan makna yang mendalam untuk menarik perhatian khalayak (Fadzri Aris et al, 2013).

Jangan Bunuh Rama-Rama adalah merupakan hasil karya daripada Noordin Hassan yang bertemakan tentang keimanan yang teguh dengan menyedari setiap keagungan dan kekuasaan Tuhan. *Jangan Bunuh Rama-Rama* ini dipentaskan sebagai drama di mana Amran Nasrudin sebagai pengarah dan bekerjasama dengan produksi daripada Alumni Artis Penjuru Alam. Hasil karya Noordin Hassan ini mengisahkan antara kebaikan dan keburukan mengenai kehidupan dan sifat-sifat dalam diri manusia yang sentiasa bertentangan. Noordin Hassan adalah merupakan sasterawan ke-7 yang dinobatkan pada tahun 1933, setiap hasil daripada drama beliau kebiasaannya orang ramai akan menganggapnya sebagai satu karya yang

sederhana, tetapi setiap hasil karya beliau terdapat maksud-maksud yang tersembunyi dengan seperti makna yang mendalam dan kompleks serta penggunaan ayat dan gaya bahasa yang menarik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Harun Mat Piah et.al, 2006 mengatakan bahawa sastera membawa pengertian bahawa setiap penghasilan karya sastera yang disampaikan atau dinikmati, sama ada melalui tulisan, pembacaan dan mahupun juga melalui lisan dan pendengaran. Sastera adalah salah satu seni kreatif yang menjadikan bahasa sebagai medium pengantarnya dan sastera juga bermula daripada zaman dahulu dengan tradisi lisan dan kini semakin berkembang dengan peredaran zaman dari semasa ke semasa. Pengarang akan mencerminkan gagasan daya fikiran sebagai seorang pengarang melalui penghasilan karya yang dikongsi bersama khalayak dengan teretusnya daya rasa, kepekaan dan keprihatinan seorang pengarang kepada masyarakat, maka teretuslah idea-idea penghasilan karya. Sastera ini juga mempunyai seni bahasa yang indah dan tersusun supaya dapat memberi penghayatan yang lebih berkesan kepada khalayak. Sastera terbahagi kepada dua kategori iaitu tradisional dan moden serta mempunyai dua genre iaitu prosa dan puisi.

Drama adalah merupakan sastera moden yang berada di dalam genre prosa bersama dengan cerpen dan novel. Drama adalah merupakan satu karya sastera yang kreatif serta unik oleh kerana drama mempunyai dua aspek iaitu aspek yang pertama ialah aspek sastera dan yang kedua ialah aspek teater. Drama di dalam aspek sastera mengandungi cerita berserta unsur-unsur karya yang kreatif antaranya ialah seperti pemikiran, plot, watak, bahasa dan latar. Bagi aspek teater pula drama tersebut akan dilihat sebagai satu persembahan ataupun dihasilkan sebagai pementasan di atas pentas berserta pelakon-pelakon yang telah diberikan watak masing-masing. Setiap drama yang dihasilkan dapat dikaji melalui teks, proses-proses seperti

karangannya, produksi dan arahannya dan disertai dengan pelbagai aspek kehalusan seninya. Selain itu, drama juga boleh dianggap sebagai persembahan yang dijadikan sebagai cara untuk manusia berhubung dengan manusia yang lain.

Oleh itu, drama juga merupakan unsur-unsur karya Noordin Hassan seperti penggunaan bahasa salah satunya ialah metafora melalui karya Noordin Hassan iaitu Jangan Bunuh Rama-Rama. Drama ini sangat menarik untuk dikaji dan diteliti tentang penggunaan bahasa yang menerapkan unsur-unsur keindahan yang diterapkan ke dalam teks drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Oleh itu, Teori Stilistik amat sesuai diaplikasikan ke dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Penghasilan karya Noordin Hassan membuktikan bahawa teks-teks drama yang dihasilkan ini ingin menunjukkan antara penggunaan gaya bahasa berserta kepentingan yang berkaitan dengan gaya bahasa yang diterapkan di dalam teks drama tersebut. Kajian ini turut bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan unsur-unsur metafora yang di mana masih tidak ramai yang mengkaji berkaitan unsur-unsur metafora di dalam teks drama. Selain daripada itu, dengan kajian ini juga untuk mengenalpasti sama ada setiap penggunaan unsur-unsur metafora di dalam teks drama memberi kesan emosi serta menarik perhatian orang ramai. Sesetengah khalayak masih keliru dengan penggunaan dan maksud metafora serta perbezaanya dengan gaya bahasa yang lain. Oleh itu, kajian ini akan disokong dengan menggunakan teori yang bersesuaian untuk melengkapkan lagi kajian ini.

1.4 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada tajuk kajian yang telah dipilih, pengkaji merumuskan beberapa persoalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama?
- ii. Bagaimanakah unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan dengan meneliti dua perkara seperti yang berikut:

- i. Mengenalpasti unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama- Rama.
- ii. Mengkaji bagaimana unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya menumpukan kepada aspek metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Skop kajian ini tidak memfokuskan kepada aspek-aspek lain selain daripada unsur-unsur metafora dan hanya tertumpu kepada karya daripada Noordin Hassan iaitu Jangan Bunuh Rama-Rama. Terdapat banyak lagi antara karya-karya beliau yang lain antaranya ialah seperti Bukan Lalang Ditiup Angin, Tak Kunjung Kembali, Pintu dan banyak lagi drama-dramanya yang pernah dipentaskan tetapi di dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada drama beliau yang bertajuk Jangan Bunuh Rama-Rama sahaja oleh kerana ingin mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan penggunaan gaya bahasa yang berunsurkan metafora. Oleh itu, pengkaji akan mengenalpasti unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam teks drama tersebut dengan hanya menumpukan kepada aspek metafora dengan mengaplikasikan Teori Stilistik. Hasil kajian untuk mengenalpasti unsur-unsur metafora dan bagaimana unsur-unsur metafora memberi kesan kepada penghasilan drama tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah memfokuskan kepada hasil karya teks drama Jangan Bunuh Rama-Rama daripada pengarang Sasterawan Negara iaitu Noordin Hassan. Kajian ini untuk mengenalpasti unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan terdapat beberapa kepentingan kajian ini terutamanya kepada individu, masyarakat, negara dan lain-lain. Kajian ini dikatakan penting untuk khalayak oleh kerana untuk khalayak lebih mudah untuk memilih teks drama yang mempunyai penggunaan bahasa yang unggul dan bermutu untuk menambah pengetahuan dan menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengetahui dengan lebih jelas berkaitan dengan unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan termasuklah karya-karya yang lain. Kajian ini juga penting kerana ia dapat membantu merungkaikan unsur-unsur metafora di dalam teks drama tersebut dan dapat meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat melalui aspek pemikiran, ilmu dan falsafah. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dan penyelidik boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan untuk menghasilkan penyelidikan yang lain kerana kajian ini akan membantu memberi pendedahan atau landasan awal kepada mereka dan diharapkan dapat mempertajamkan, memperluaskan dan membantu kajian-kajian lain yang akan datang serta menambahkan lagi hasil kajian yang telah sedia ada. Seterusnya, kajian ini juga dapat membantu kita mengenal dengan lebih rapat karya Noordin Hassan iaitu Jangan Bunuh Rama-Rama. Kepentingan kajian ini juga dengan harapan semoga dapat memberi manfaat kepada para penyelidik dan pengkritik pada masa akan datang.

1.8 Metodologi

Di dalam kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan dilakukan secara analisis untuk mengenalpasti unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama karya Noordin Hassan. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data

berkaitan dengan unsur-unsur metafora dengan menggunakan teori Stilistik. Data kualitatif yang digunakan dalam bentuk analisis dokumen, tekstual, dan teoritik. Analisis dilakukan terhadap unsur-unsur metafora dalam Jangan Bunuh Rama-Rama karya Noordin Hassan dan bahan bertulis meliputi keseluruhan drama Jangan Bunuh Rama-Rama, dokumen atau petikan, jurnal, tesis dan disertai buku-buku rujukan dan teks-teks ilmiah serta sumber sesuai dalam laman sesawang sebagai kaedah perpustakaan. Analisis dokumen yang dilakukan menjadi sebagai pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan yang diperolehi daripada melakukan analisis terhadap drama tersebut. Pengumpulan data melalui kaedah-kaedah tersebut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada aspek yang hendak dikaji.

Sehubungan dengan ini, teori Stilistik yang diaplikasikan ke dalam kajian ini adalah sangat bersesuaian dengan kajian yang berkenaan dengan unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama yang pernah dipentaskan di Komplek Budaya Negara. Teori ini sesuai diaplikasi ke dalam kajian ini kerana teori Stilistik adalah merupakan salah satu teori yang mengkaji setiap teknik- teknik penggunaan bahasa di dalam teks penulisan berserta dengan gaya penulisan yang dihubungkan dengan penggunaan bahasa sebagai wahana pengucapan. Teori Stilistik memfokuskan terhadap penggunaan gaya bahasa kerana ia akan mencerminkan keunikan seorang penulis atau pengarang menyampaikan idea kepada khalayak dengan baik. Justeru, teori Stilistik dan disertai beberapa prinsip yang telah digarapkan ke dalam kajian ini yang berseuai dengan aspek gaya bahasa, penghasilan teks dan juga nilai estetik dan dari segi bahasa di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, telah memperlihatkan bahawa unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama juga memainkan peranan di dalam penghasilan karya untuk menjadikan karya lebih menarik dengan penerapan gaya bahasa. Bagi karya yang menggunakan gaya bahasa yang

mempunyai penyampaian yang menarik termasuklah drama yang dan hasil karya sastera yang lain. Gaya bahasa metafora mempunyai keunikan yang tersendiri dalam menyampaikan maksud yang tertentu dan mesej yang ingin disampaikan di dalam sesuatu penghasilan karya tersebut. Cara pengarang menghasilkan dan menerapkan gaya bahasa metafora turut memberi kesan dan mempengaruhi setiap penggunaan bahasa yang digunakan dapat dihasilkan dengan baik ataupun tidak, oleh sebab itu prinsip teori stilistik diaplikasikan ke dalam kajian ini. Terdapat banyak lagi gaya bahasa yang boleh digunakan oleh pengarang untuk terus menghasilkan karya sastera yang bermutu tinggi. Pengarang atau pengkarya harus bijak dalam menentukan sesuatu perkara dalam menghasilkan teks supaya ia lebih bermutu dan memberi kefahaman kepada orang ramai dalam menyampaikan maksud di dalam karya tersebut. Pemilihan gaya bahasa yang tepat juga penting bagi para pengkarya atau penulis supaya khalayak tidak merasa gaya bahasa yang disampaikan suka difahami dengan maksud-maksud yang tersirat. Penonton dan khalayak juga harus sering didedahkan dengan pelbagai penggunaan bahasa supaya lebih memahami dan dapat menambah pengetahuan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dan yang berkaitan dengan unsur-unsur metafora termasuklah dengan makna yang tersirat. Harapan semoga penggunaan gaya bahasa metafora lebih dikenali dan dengan itu khalayak juga akan menonjolkan minat untuk menjadikan drama sebagai satu karya yang kaya dengan unsur keindahan bahasa yang mudah difahami dan menarik. Dengan ini juga dapat membantu karya-karya sastera lebih dihargai dan kekal sepanjang zaman.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Kajian ini adalah bertujuan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh sarjana- sarjana berkenaan dengan kajian terhadap unsur-unsur metafora dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan kajian yang mengaplikasikan teori stilistik. Sorotan kajian merupakan suatu pernyataan yang memaparkan fakta sesuatu kajian bagi menyokong objektif yang telah ditetapkan. Tinjauan kajian ini akan memberikan tumpuan kepada beberapa faktor yang merangkumi pelbagai bentuk kajian dan kandungan yang terdapat pada sorotan kajian juga mengandungi pernyataan, kaedah serta teori yang mengemukakan pendapat penilaian kajian mengenai tajuk yang dipilih oleh pengkaji.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Unsur Metafora

Kajian pertama oleh Jackie Lane Ak Gima (2005) Universiti Malaysia Sarawak. Satu kajian yang berjudul Pengaruh Karya Artis Malaysia Yang Berunsur Metafora Dalam Fahaman Feminisme. Kajian ini akan menyingkap unsur-unsur penggunaan metafora yang terdapat di dalam karya seni dan analisis hubungkait kefahaman feminisme di kalangan artis dengan penggunaan unsur-unsur metafora. Tumpuan difokuskan terhadap unsur metafora yang terdapat di dalam karya artis-artis di Malaysia sahaja dan artis yang mempunyai kefahaman terhadap feminisme sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan unsur-unsur metafora dapat menyampaikan maksud atau mesej dalam kefahaman feminisme dalam contoh-

contoh karya seni artis di Malaysia.

Seterusnya, Rozaimah Rashidin (2015), Universiti Teknologi MARA. Beliau menghasilkan satu kajian yang bertajuk Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. Kajian ini memaparkan persoalan tentang wujudnya metafora konsepsi yang menggambarkan bahawa orang Melayu dahulu kala bijaksana sangat kreatif. Data bagi kajian ini dikumpulkan berdasar kepada enam teks tradisional Melayu iaitu Hikayat Hang Tuah, Sulalat Al-Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Aceh dan Tuhfat Al-Nafis. Teori Hibrid dari Model Proses Tiga Serangkai telah diaplikasikan ke dalam kajian ini. Kajian ini turut mengesahkan bahawa Teori Hibrid perlu diaplikasikan ke dalam kajian metafora dengan memperbaiki penggunaan metafora dengan lebih baik.

Pada tahun 2014, Ruzanna Md. Ruslan dan Rozaimah Rashidin, Universiti Kebangsaan Malaysia, juga menghasilkan satu jurnal linguistik yang bertajuk Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti maksud tersirat di dalam metafora konsepsi yang terdapat di dalam skrip teater Wangi Jadi Saksi. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini tertumpu untuk mengenalpasti dan menganalisis jenis-jenis konsepsi metafora yang sememangnya diterapkan ke dalam skrip teater tersebut untuk menimbulkan kesan emosi kepada penonton dengan lebih jelas. Hasil kajian mendapati terdapat tiga jenis metafora yang berjaya dikenalpasti melalui skrip Wangi Jadi Saksi yang menunjukkan kepada unsur-unsur yang dramatik kerana untuk memberi tarikan yang lebih menarik dengan sesuatu yang mempunyai hubungkait dengan emosi dan perasaan.

Norjietta Julita Binti Taisin (2019). Satu kajian yang berjudul Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusun. Kajian ini dilakukan untuk meneliti antara unsur metafora yang terdapat di dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun yang telah diselarikan dengan aliran metafora di mana yang telah dipelopori oleh Lakoff dan juga Johnson. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian melalui beberapa penelitian dengan menggunakan data-data

genre puisi lisan tradisional iaitu pantun Kadazandusun yang dijadikan sebagai bahan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Secara khusus, kajian ini akan melibatkan dengan kajian lapangan iaitu pengumpulan dan kaedah penganalisan data yang berdasarkan dengan kaedah temu bual dan pemerhatian. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa penggunaan bahasa yang terdapat di dalam puisi tradisional terutamanya pantun yang mempunyai makna yang tersirat dan tersurat ataupun terdapat unsur metafora.

Fariqul Haq Tengku et al, (2020). Jurnal yang berjudul Pembacaan Ungkapan Literal dan Metafora Melayu: Satu Kajian Penjejakan Mata. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang proses yang berkaitan dengan pembacaan ungkapan literal dan ungkapan metafora dari segi psikolinguistik. Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data yang melibatkan 40 orang iaitu penutur asli bahasa Melayu yang terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar prasiswazah, kaedah analisis data turut digunakan di dalam kajian ini dan semua hasil pengumpulan data ialah mengikut kepada kaedah kuantitatif. Data korpus juga turut digunakan di dalam kajian ini adalah untuk mewajarkan lagi setiap dapatan kajian yang lain. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemprosesan ungkapan literal dan metafora dari segi penuturnya adalah lebih bergantung akan kekerapan penggunaan ungkapan-ungkapan tersebut iaitu literal dan metafora.

Noriza Daud (2007) dalam jurnalnya yang berjudul Unsur Metafora Dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat penggunaan unsur-unsur metafora yang terkandung di dalam rangkap pantun di mana metafora ialah satu pemakaian kata-kata yang mempunyai makna yang tertentu ataupun maksud yang lain daripada makna yang sebenar sebagai contohnya ialah seperti kata perbandingan ataupun kiasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian yang berasal pendekatan kajian yang berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan dan dipelopori semiotik moden yang berasal daripada Amerika iaitu Charles Sanders Peirce yang tertumpu kepada lambang-lambang linguistik dan tanda-

tanda lain seperti gambar dan angka. Hasil kajian mendapati bahawa jelaslah ciri-ciri estetika yang terdapat di dalam pantun tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia merupakan lambang keunikan bahasa. Walaupun mempunyai bahasa yang berbeza tetapi matlamatnya hanya satu iaitu keperluan bahasa adalah tujuan untuk komunikasi.

Sulaiman Ismail et al (2016) dalam tesisnya yang berjudul Analisis Wacana Metafora Kontrastif Bahasa Melayu dan Arab Dari Perspektif Praktis Sosial. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan menganalisis wacana metafora yang terdapat di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu mengikut kepada aspek pengkelasan dan praktis sosial yang tersirat di dalam kedua-dua bahasa tersebut. Kajian ini menggunakan teori Analisis Wacana Kritis (AWK) yang telah diperkenalkan oleh Norman Fairclough, teori ini adalah untuk mengkaji serta menganalisis bentuk dan gaya penggunaan bahasa yang terdapat di dalam semua wacana. Aspek teori ini digunakan untuk memberikan setiap penjelasan serta penerangan yang berkaitan dengan praktis sosial. Dapatan daripada kajian ini menjelaskan bahawa betapa pentingnya tentang pengetahuan dan memahai setiap pengkelasan antara wacana metafora bahasa Arab dan bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan ia akan memudahkan lagi pelajar-pelajar Melayu untuk memahami dengan lebih mendalam tentang penggunaan aspek bahasa ini di dalam amalan dan praktis sosial.

Saripah Banseng et al (2017) dalam jurnal Melayu yang berjudul Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam *Sampi* Iban. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora yang terdapat di dalam mantera perhumaan (*sampi umai*) masyarakat Iban. Dua buah *sampi* perhumaan yang telah diperolehi daripada buku *Sampi Enggau Biau* telah dipilih untuk melakukan kajian dengan berasaskan pendekatan secara kualitatif dan keadahan deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa kiasan metafora yang terdapat di dalam *sampi* terdiri daripada unsur alam antaranya seperti tumbuhan, haiwan dan juga manusia yang sesuai digunakan. Kajian ini telah mengaplikasikan teori Linguistik

Kognitif yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson pada tahun 1980, kerana teori tersebut menjelaskan bahawa bahasa adalah satu lambang kerana setiap bahasa mempunyai makna dan juga unsur-unsurnya. Dengan kajian ini dapat membantugolongan generasi muda dalam memahami setiap unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasanmetafora. Hasil kajian menunjukkan setiap penggunaan yang melibatkan unsur alam dan bukan alamdi dalam bahasa kiasan metafora dalam menambahkan pengetahuan dalam kemahiran berbahasa.

Arif Mohamad dan Norhayati Ab Rahman (2017) dalam jurnalnya yang bertajuk Dimensi Politik Secara Metafora Melayu Dalam Novel Anak Mat Lela Gila. Kajian ini menganalisi ungkapan- ungkapan yang terdapat di dalam teks karya iaitu novel hasil karya daripada Ishak Haji Muhammad yang berjudul Anak Mat Lela Gila. Pandangan daripada Hasan Ahmad dijadikan sebagai panduan, pandangan yang dinamakan sebagai panduan, pandangan yang dinamakan sebagai metafora Melayu dan turut dikaitkan dengan pandangan paradigma semiotik. Kajian ini menunjukkan bagaimana seorang pengarang Melayu dapat mengaitkan pemikiran mereka mengenai persoalan politik mendatang secara perlambangan ataupun metafora. Analisis secara tekstual dan kontekstual telah digunakan untuk mengaitkan dimensi politik secara perlambangan yang terdapat di dalam novel ini. Hasil daripada kajian ini dapat menyerlahkan lagi keistimewaan bangsa Melayu dimana ia mempunyai cara-cara yang tersendiri dengan menggunakan kiasan, perlambangan dan metafora untuk menyingkap persoalan-persoalan yang melibatkan politik.

Siti Fatimah Radzi dan Harun Baharudin (2019) dalam jurnal yang berjudul Analisis Kontrasif Tasybih Dan Istia'arah Dengan Simile Dan Metafora. Kajian dilakukan untuk mengenalpasti antara persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan tasybih dan juga simile serta turut mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan istiarah dan tasybih dengan metafora. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menganalisis kontrasif bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan tersebut. Gaya

bahasa kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah sangat penting untuk dipelajari oleh kerana kedua-duanya mempunyai kekayaan bahasa masing-masing. Hasil kajian tersebut ialah didapati tidak banyak perbezaan dalam membuat perbandingan ataupun perumpamaan di dalam ayat. Manakala bagi gaya bahasa kiasan metafora pula adalah merupakan satu peminjaman makna asal sesuatu perkataan dengan membentuk makna yang baru di dalam ayat.

Suziana Mat Saad et al (2018) di dalam jurnalnya yang berjudul *Metafora Konseptual dan Manifestasi Linguistik dalam Bahasa Melayu dan Perancis: Satu analisis Kognitif*. Penelitian kajian ini akan dibuatkan berdasar kepada pendekatan kognitif. Enam buah novel Melayu-Perancis telah dipilih untuk melakukan kajian tersebut. Hasil analisis yang dikaji ke atas enam buah novel tersebut mendapati terdapat perbezaan dari segi bentuk kata yang digunakan dalam bahasa Melayu dan Perancis. Di dalam kajian ini menerapkan beberapa konsep seperti konsep KEHIDUPAN dan PERJALANAN.

2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Gaya Bahasa

Mohamad Yazid Bin Kerya, Fatahiyah Binti Mohd Ishak dan Wan Roslina Binti Wan Ismail (2015), Uitm cawangan kedah, melalui jurnal mereka yang berjudul *Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung*. Kajian ini menganalisis setiap gaya bahasa yang digunakan serta dialog dan lagu yang terdapat di dalam persembahan teater Mek Mulung. Kajian ini dijalankan secara kepustakaan dan merupakan kerja lapangan iaitu menemu bual bersama ketua kumpulan Mek Mulung tersebut, selain daripada menemu bual pengkaji turut menonton persembahan teater tersebut bagi menjalankan kajian dengan lebih mendalam. Manakala, gaya bahasa telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti gaya bahasa anafora, epifora, repetisi dan banyak lagi. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa gaya bahasa yang berjaya dikenalpasti melalui skrip cerita Putera Cahaya Bulan iaitu di dalam teater tradisional Mek Mulung tetapi telah didominasi dan telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu gaya

bahasa dialog dan juga gaya bahasa yang terdapat di dalam lagu.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021) di dalam jurnalnya yang berjudul *Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna)*. Tujuan kajian ini dijalankan bagi merungkai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan proses penulisan sajak yang terdiri daripada teknik gaya bahasa yang cuba disampaikan oleh penyair. Skop kajian tersebut difokuskan kepada dua orang tokoh sastera nusantara iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna serta untuk memaparkan identiti gaya bahasa digunakan ketika menghasilkan karya. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan beberapa analisis dokumen teks. Kajian ini mengaplikasikan Teori Stilistik untuk merungkaikan dengan lebih lanjut setiap teknik gaya bahasa, unsur kesamaran dan lain-lain untuk membuktikan setiap gaya penyampaian pengkarya. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh penyair ini mempunyai gaya dan keunikan yang tersendiri.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) di dalam jurnal pengajian Melayu yang berjudul *Pengajaran Gaya Bahasa Dalam Bahasa Melayu*. Di dalam kajian ini menunjukkan beberapa pengajaran gaya bahasa yang terdapat di dalam karya penulisan kreatif kerana ia adalah sesuatu yang sangat penting dan perlu dikuasai. Setiap konsep untuk gaya bahasa perlu dipelajari dengan sebaiknya terutama di dalam bidang guru untuk memastikan guru tidak gagal dalam melaksanakan tugas. Gayabahasa menjadi penting adalah kerana ia merupakan salah satu yang berperanan penting untuk menghasilkan sesebuah karya kreatif. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya pengajaran yang berkaitan dengan gaya bahasa dalam pembelajaran untuk khalayak.

2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Pendekatan Stilistik

Mohd Khairul Adenan et al (2018) di dalam jurnalnya yang berjudul Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa yang terdapat di dalam sebuah novel karya daripada Azwar Kamaruzaman yang bertajuk Nasi Kangkang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian penyelidikan kualitatif dengan melakukan analisis terhadap teks novel Nasi Kangkang. Teori Stilistik telah diaplikasikan di dalam kajian ini dengan berlandaskan pada Prinsip Webber (1989). Bacaan dengan rapi bagi mengenalpasti dengan baik setiap kata, frasa dan ayat untuk mengenalpasti setiap aspek diksi unsur bahasa dramatik yang terdapat di dalam novel tersebut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan yang berkaitan dengan aspek diksi sebagai contohnya ialah slanga, dialek dan lain-lain dapat memberikan faedah kepada novel tersebut dengan merealisasikan lagi watak dan perwatakan, mewujudkan kesan kepada watak dan lain-lain faedah lagi. Keseluruhan bagi kajian ini dengan menggunakan Teori Stilistik dapat melihat dan memberi maklumat yang berkaitan dengan gaya penggunaan bahasa dan bagaimana gaya bahasa yang digunakan di dalam karya-karya Indie.

Baharudin Bin Mohd. Mahaidin (2000) telah menghasilkan satu tesis yang berjudul puisi- puisi Dharma Wijaya 1960-1990: Satu Pendekatan Stilistik. Kajian ini telah dijalankan dengan penelitian ke atas dua buah kumpulan puisi daripada Dharmawijaya yang bertajuk Warna Maya (DBP: 1974) dan Derita Buana (DBP: 1992) dengan menggunakan pendekatan Stilistik sebagai kajian utama. Pengkaji juga turut mengkaji dan meneliti gaya idiosinraksi penyair dan kesesuaian bahasa yang sesuai dengan sesebuah puisi yang dihasilkan dan juga untuk memperlihatkan kemahiran serta kebolehan seorang penyair dalam mengolah bahasa, dan menerapkan daya pemikiran yang kreatif untuk menyampaikan maksud dengan baik. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Dharmawijaya seorang yang begitu teliti dalam memilih kata dalam penggunaan bahasa di dalam puisinya dan dengan ketelitiannya menjadikan puisi tersebut sangat lunak, segar dan harmoni.

Faezah Muhayat dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014) di dalam jurnalnya yang berjudul *Cerita Adam: Analisis Daripada Perspektif Stilistik*. Kajian ini menunjukkan pengkaji menganalisis dan meneliti novel ini dengan menggunakan aspek Stilistik. Tujuan kajian ini adalah bagi meneliti akan aspek-aspek bahasa yang digunakan oleh pengarang di dalam novel tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa novel yang dikaji mempunyai kelebihan serta kelemahan tetapimengikut keseluruhannya novel ini mempunyai kekuatan yang boleh menjadikan novel tersebut sebagai bahan bacaan kepada masyarakat. Pendekatan Stilistik telah dipilih sebagai kerangka analisis bagi mengenalpasti antara kekuatan dan kelemahan. Hasil daripada kajian ini ialah dapat membantugolongan remaja untuk lebih memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam novel tersebut kerana penggunaan bahasa, teknik penceritaan dapat membantu pembaca lebih memahami pemikiran yang cuba diutarakan oleh pengarang.

Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff et al (2020) di dalam jurnal Melayu yang berjudul *Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah*. Kajian ini menunjukkan analisis yang berkaitan dengan aspek stilistik atau gaya bahasa dalam teks Melayu klasik, iaitu Hikayat Abdullah (1849), karya Abdullah Munsyi. Penelitian secara deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data bahasa. Analisis data kajian berpandukan kerangka analisis stilistik Leech & Short (2007) untuk menghuraikan gejala bahasa dari sudut linguistik dengan fungsi sastera. Kategori leksikal dan penggunaan bahasa kiasan adalah antara kategori yang difokuskan daripada kerangka ini. Kesemua elemen linguistik perlu dihuraikan dengan pendekatan komponen makna Leech (1981), seperti makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna sosial atau stilistik, makna reflektif dan makna kolokatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengarang masih mengekalkan gaya bahasa kreatif dari segi penggunaan leksikal yang diabstrak bagi mengimplimentasikan makna.

Mohd Aidil Subhan (2000) di dalam kajiannya yang berjudul *Cerpen Remaja Melayu*

Singapura: Satu Pengamatan Stilistik. Di dalam kajian ini telah menggunakan lima buah cerpen yang berjudul Sulaiman Slyman, Doktor Remaja, Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin, Epilog Semalam dan Ira. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti dengan lebih jelas penggunaan gaya bahasa di dalam cerpen-cerpen tersebut dan memperlihatkan gaya bahasa yang digunakan memiliki ciri-ciri tertentu yang menarik. Pengamatan stilistik dipilih pengkaji supaya lebih mudah untuk meneliti setiap penggunaan bahasa dan gaya bahasa. Pengkaji turut menyatakan bahawa dengan adanya gaya bahasa pengulangan di dalam cerpen ini adalah salah satu usaha penulis-penulis remaja untuk menghasilkan satu karya yang bermutu tinggi.

Arinah Fransori (2017), sebuah artikel daripada Indonesia yang berjudul Analisis Stilistika Pada Puisi Kepada Peminta-Minta karya Chairil Anwar. Tujuan kajian ini dikaji adalah untuk mendiskripsikan bahasa serta pembentukan kata melalui puisi Kepada Peminta-Minta. Teori pendekatan stilistik telah dipilih di dalam kajian ini, kerana ia dapat mempengaruhi daya cipta di dalam sebuah puisi dari segi pembentukan kata dan unsur-unsur pembangunan puisi tersebut. Selain itu, kajian ini dapat menyampaikan mesej secara tidak langsung kepada pembaca dan hasil daripada kajian ini menunjukkan puisi tersebut menonjolkan pelbagai aspek dan pembentukan yang kuat dan puisi ini juga menunjukkan sikap sosial dan kenyataan yang terjadi pada masyarakat.

2.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini adalah bertujuan untuk merumuskan kajian-kajian lepas dengantopik kajian yang pernah dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu, sorotan kajian yang dilakukan haruslah mempunyai kaitan dengan topik yang ingin dikaji supaya ia dapat membantu untuk memberi serba sedikit gambaran untuk menghasilkan kajian yang mempunyai kualiti. Kajian lepas ini juga dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan

beberapa maklumat dan hasil kajian dari aspek yang berbeza dengan pandangan daripada pengkaji-pengkaji yang lebih berpengalaman. Dari hasil kajian-kajian lepas jugak dapat membantu pengkaji-pengkaji baru lebih memahami setiap hasil kajian yang dijalankan untuk memastikan kajian yang dihasilkan memberi satu maklumat yang baru kepada pengkaji baru yang lain untuk mengkaji berkaitan dengan tajuk kajian yang berkaitan.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah merupakan penyelidikan yang melibatkan beberapa Teknik khusus yang akan digunakan di dalam proses melakukan penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpulkan, mengorganisasi ataupun menilai data metodologi juga merujuk kepada antara alat-alat yang akan digunakan dalam mengumpul beberapa maklumat yang semestinya relevan di dalam setiap kajian- kajian penyelidikan yang tertentu. Metodologi penyelidikan selalu digunakan adalah untuk mengkaji antara teori-teori tertentu dan sekaligus ia menyerap sebagai satu set piawaian di dalam akademik tertentu. Metodologi satu prosedur yang sistematik kerana untuk memastikan prestasi setiap kerja penyelidikan dapat dicapai dengan baik dan juga sempurna. Oleh sebab itu, ia menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian dan analisis data-data yang sealiran dengan beberapa peraturan sendiri (Othman Mohamed, 2001:21). Oleh hal yang demikian di dalam bab ini perkara yang akan dikemukakan ialah antara yang berkenaan di dalam reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan juga penerapan teori yang digunakan di dalam kajian ini dengan secara terperinci.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif iaitu yang melibatkan kepada proses-proses dalam pengumpulan data dan juga menganalisis data kajian ini. Setelah pemilihan pendekatan kualitatif dilakukan, kajian ini akan menjelaskan bagaimana Batasan pemikiran dalam menganalisis data yang digunakan ke dalam konteks kajian ini dan turut menganalisis bagaimana interaksi yang berlaku di antara falsafah kajian, strategi yang

dilakukan di dalam penyelidikan dan juga metod kajian. Rekabentuk kajian yang dikaji oleh pengkaji ini lebih kepada untuk menjuruskan cara ataupun bagaimana bagi mendapatkan setiap jawapan untuk persoalan-persoalan yang telah dikemukakan. Bagi tujuan metod ini juga adalah untuk mencapai setiap objektif yang cuba dicapai oleh pengkaji. Antara objektif-objektif kajian ini ialah seperti yang berikut:

- a) Mengenalpasti unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama.
- b) Mengkaji bagaimana unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut.

Oleh hal yang demikian, bagi mencapai objektif -objektif tersebut, pengkaji akan mencuba dengan sedaya upaya untuk mencuba dan mengadakan kaedah dan cara untuk mencapai setiap tujuan tersebut. Bagi peringkat permulaan, pengkaji akan melakukan beberapa kajian dan tinjauan terhadap beberapa kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Hal ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan ataupun persamaan tajuk dengan kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Setelah memastikan bahawa tiada berlaku pertindihan tajuk, pengkaji akan mula menganalisis dan mengkaji drama hasil karya daripada Noordin Hassan iaitu Jangan Bunuh Rama-Rama yang telah dipilih iaitu sebagai skop kajian ini. Setelah banyak dan pelbagai maklumat serta data yang diperolehi daripada karya Jangan Bunuh Rama-Rama, semua data akan diproses dan dianalisis dengan lebih mendalam lagi bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, data-data yang telah diproses akan diterapkan ke dalam kajian ini sebagai dapatan kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Justeru, kajian ini adalah merupakan satu kajian yang berkaitan dengan unsur-unsur

metafora di mana ia memerlukan kaedah untuk melakukan rujukan, dengan itu pengkaji akan menerapkan penyelidikan kualitatif. Penggunaan kaedah kualitatif ialah bertujuan bagi melihat setiap kajian dengan lebih sistematik tentang kajian unsur-unsur metafora di dalam karya *Jangan Bunuh Rama- Rama*. Tujuan penggunaan kaedah kualitatif juga untuk memastikan setiap pengumpulan data dapat dilakukan dengan memperolehi maklumat dan data yang lengkap menerusi mana-mana rujukan yang sesuai di dalam kajian yang ingin dijalankan. Oleh itu, pengkaji telah memilih kaedah rujukan teks atau dokumen dengan pembacaan yang teliti terhadap teks atau dokumen yang bersesuaian dengan kajian ini. Selain itu, menerusi kajian ini juga, pengkaji juga turut menggunakan sumber internet untuk memperolehi maklumat-maklumat yang berkenaan di dalam laman sesawang seperti Scholar, Academia dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasil daripada rujukan sumber internet ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan antara maklumat yang menyeluruh dan terkini mengenai kajian ini. Dengan maklumat yang diperolehi dari laman sesawang, pengkaji telah melakukan rujukan-rujukan terhadap tesis-tesis yang terdahulu. Pengkaji juga dapat mengakses artikel-artikel yang mempunyai kaitan dengan kajian sama ada dari aspek unsur-unsur metafora, drama atau Teori Stilistik. Kaedah kepustakaan juga turut digunakan di dalam kajian untuk mencari maklumat dengan lebih banyak dan tepat dengan merujuk kepada buku-buku yang terdapat di perpustakaan. Walaupun dengan keadaan Covid-19 ini pengkaji masih dapat mencari maklumat melalui buku-buku yang diinginkan melalui portal laman sesawang perpustakaan secara online dimana kini semuanya hanya di hujung jari sahaja.

3.4 Teori Stilistik

Kajian ini mengaplikasikan teori Stilistik bagi menyokong dan mengukuhkan analisis dan kajian yang berkaitan dengan unsur-unsur metafora di dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama*: aplikasi teori Stilistik. Kaedah penyelidikan yang diaplikasikan ke dalam kajian ini adalah

senarai semak yang digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri dan membuat catatan maklumat berdasarkan prinsip-prinsip teori Stilistik. Teori stilistik adalah merupakan satu teori yang khusus untuk menyentuh wacana bahasa yang terdapat di dalam karya sastera dengan melalui metodologi bahasa. Pendekatan stilistik ini lebih mengutamakan dan mengkhususkan kepada aplikasi bahasa kerana daripada aspek pembahasaan dan juga gaya bahasa yang menjadi komponen penting di dalam struktur penghasilan sesebuah karya sastera. Justeru itu, konsep utama bagi teori stilistik ini adalah bertujuan untuk melihat teks sastera ataupun karya sastera sebagai bahan utama di dalam kajian, dan dengan itu juga dapat membuka peluang kepada para pengkaji untuk turut mengkaji aspek-aspek lain dalam penghasilan sesebuah karya. Dapat kita lihat bahawa teori stilistik ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah seseorang pengarang dapat mengolah bahasa yang bersesuaian di dalam penerapan karya sastera yang bersifat imaginatif, simbolik serta terdapatnya unsur-unsur estetika dan dengan itu dapat mengukuhkan lagi persoalan dan pemikiran pengarang di dalam karya tersebut. Menurut Toolan, Michael (1998), kajian yang berdasarkan kepada karya ini juga dapat menekankan lagi aspek untuk memastikan setiap cara dan bagaimana untuk menulis serta menghasilkan karya dan eksploitasi bahasa yang digunakan dengan sebaik-baiknya.

Definisi bagi stilistik ialah ianya berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu “style” yang bermakna gaya dan digabungkan dengan “linguistic” yang bermaksud tata bahasa. Stilistik juga boleh didefinisikan sebagai satu ilmu yang digunakan untuk menyelidiki setiap bahasa yang digunakan di dalam penghasilan karya sastera dan menurut kamus Za’ba menjelaskan bahawa stilistik turut mengkaji berkenaan teknik penggunaan antara gaya bahasa yang bagus dan member kesan di dalam penulisan untuk khalayak. Menurut Nik Hassan Basri: 378, menyatakan bahawa kajian teori stilistik juga turut mengkaji yang terlibat dengan bentuk atau bahasa di dalam kesusasteraan, dan turut meliputi kepada teknik pemakaian bahasa yang digunakan oleh pengarang di dalam penulisan serta teknik untuk segala yang mempunyai

kaitan dengan gaya bahasa penulisan di dalam kesusasteraan untuk memastikan setiap kefahaman yang diperolehi lebih mendalam tentang teks kesusasteraan.

Bagi mengkaji karya sastera dari sudut stilistik, terdapat dua cara bagaimana untuk mendekatinya iaitu pertama ialah dengan cara menganalisis setiap sistem linguistic yang terdapat di dalam karya sastera kemudian diteruskan dengan menginterpretasikan setiap ciri-ciri yang terkandung di dalamnya. Manakala, bagi cara yang kedua pula dalam penelitian stilistik ini harus melakukan dengan menghayati variasi yang digunapakai di dalam pemakaian bahasa yang normal serta dikemukakan antara tujuan-tujuan estetikanya. Mengikut kepada kedua-kedua pendekatan tersebut, dapat kita lihat ianya berbeza dan mengikut kepada hasil kajian yang ingin dilakukan masing-masing. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan yang pertama oleh kerana untuk mengkaji dan menganalisis unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam karya *Jangan Bunuh Rama-Rama*.

Terdapat beberapa prinsip dan konsep yang terkandung di dalam kritikan stilistik yang harus ditaati. Konsep dan prinsip yang pertama ialah pengarang atau penulis harus menganggap dan mengiktirafkan bahasa adalah sebagai punca dalam kegiatan untuk berkreatif, kemahiran berbahasa dan mampu mengeksploitasi segala bentuk bahasa di dalam sesebuah karya akan dianggap ia adalah satu bakat yang hebat. Prinsip di atas menjelaskan bahawa analisis karya sastera berkait rapat dengan kebolehan serta bakat yang dimiliki pengarang dan keunggulannya sebagai seorang penulis. Prinsip yang kedua pula, secara umumnya stilistik adalah untuk menganalisis beberapa aspek penggunaan bahasa dan juga aspek pembahasaan yang digunakan di dalam karya dan juga berfungsi untuk menganalisis secara keseluruhan karya terutamanya seperti tema, pemikiran dan falsafah karya di samping termasuk juga aspek makna atau semantik. Stilistik lebih menumpukan kepada unsur-unsur makna yang diperolehi daripada ayat-ayat dari karya sastera dan keseluruhannya.

Ketiga, gaya peribadi atau gaya individualisme adalah juga merupakan satu penekanan

yang agak penting dan utama di dalam penyelidikan serta untuk menganalisis stilistik. Gaya yang tersendiri harus dimiliki oleh seseorang pengarang iaitu dari segi corak penulisan yang menggambarkan diri sebagai seorang penulis. Dengan kata lain, gaya dapat menunjukkan hasil kejayaan pengarang dengan memaparkan keperibadian dan keunggulan di dalam berkarya. Seterusnya, prinsip keempat ialah sesebuah karya kebiasaannya terdapat di dalam pelbagai jenis dan bentuk perkataan serta ayat., oleh itu teori stilistik akan melakukan huraian terhadap pembentukan ayat serta pemilihan perkataan. Selain itu, prinsip kelima yang bersesuaian dengan pendekatan stilistik bukan sahaja memfokuskan kepada bidang teori dan pembahasaan sahaja tetapi turut membuat analisis terhadap perwatakan untuk mengenal dan mengindetifikasikan perwatakan.

Prinsip yang keenam ialah menekankan terhadap penelitian terhadap bagaimana sesebuah karya sastera dihasilkan. Terdapat beberapa lagi teori lain yang menunjukkan bagaimana karya tersebut dihasilkan tetapi pendekatan stilistik ini lebih menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur kebahasaan yang sebenarnya dalam menggerakkan seseorang untuk berkreaitif dengan baik. Prinsip yang terakhir melalui pendekatan stilistik bukan sekadar menganalisis atau mengkaji bagaimana sesebuah karya dihasilkan tetapi pendekatan stilistik juga turut menghuraikan bagaimana sesebuah karya tersebut dapat difahami serta dihargai oleh khalayak.

Metafora adalah salah satu gaya bahasa yang terkandung di dalam aspek perbandingan di dalam gaya pengucapan stilistik. Bahasa perbandingan adalah merupakan salah satu bentuk atau gayabahasa yang kerap digunakan oleh pengarang di dalam penulisan ataupun pertuturan kita seharian. Didalam kajian ini telah menggunakan teori stilistik di dalam aspek bahasa perbandingan yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahasa perbandingan yang memaparkan dari segi persamaan dan juga pertentangan, bahasa perbandingan secara keseluruhannya adalah merupakan satu bentuk bahasa yang menggambarkan sesuatu perkara

atau kejadian tanpa secara terus tetapi ia lebih kepadakiasan, tetapi akan diungkapkan dengan melalui beberapa perkataan atau kata dalam menyampaikan maklumat atau mesej yang tertentu. Bahasa perbandingan terdapat banyak fungsinya yang digunakan dalam menerangkan sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Selain itu, bahasa perbandingan juga bersesuaian untuk persamaan dengan sesuatu benda dengan keadaan atau kejadian yang lain, dapat kita lihat disini ialah seperti unsur metafora adalah untuk membandingkan sesuatu benda dengan peristiwa yang lain dengan menyatukan antara perkataan yang wujud dengan keadaan abstrak. Khalayak juga akan tahu setiap maksud perkataan yang ingin disampaikan dengan melihat antara unsur-unsur yang digabungkan.

Umumnya, teori stilistik ini dapat menolong khalayak dalam memahami sebuah karya oleh kerana pendekatan ini banyak mencadangkan cara dan bagaimana untuk memahami sesebuah karya dengan cara yang betul supaya maksud yang ingin disampaikan jelas dan memberi kesan kepada khalayak. Daripada prinsip-prinsip tersebut jelas dapat kita lihat bahawa peranan yang dimainkan oleh linguistik di dalam bidang penghayatan, apresiasi dan juga dalam menilai karya sastera. Sudah sekian lama aspek bahasa telah diambil berat oleh pengkritik-pengkritik dan mereka sentiasa mencuba dalam menghasilkan teori-teori serta teknik menganalisis yang mengikut arus moden dan saintifik, sehingga terbina satu pendekatan stilistik ini yang banyak membantuk dan memberi sumbangan dari segi pembahasaan dan tatabahasa. Oleh hal yang demikian, jelas dapat dilihat bahawa pendekatan stilistik ini merupakan satu teknik penilaian yang paling moden dan berkesan untuk menjelaskan lagi bagaimana sesebuah karya yang bermutu dapat dihasilkan oleh seorang pengarang dan juga dapat membantu khalayak untuk memahami karya sastera serta sekaligus memberi kesan kepada khalayak.

3.5 Kerangka Konseptual

**UNSUR-UNSUR METAFORA DALAM JANGAN BUNUH RAMA-
RAMA KARYA NOORDIN HASSAN: APLIKASI TEORI STILISTIK**

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama.
- ii. Mengkaji bagaimana unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut.

KAEDAH KAJIAN

1. Kaedah Kepustakaan
2. Kaedah Teks & Dokumen
3. Kaedah Sumber Internet
4. Pengaplikasian Teori Stilistik

DAPATAN KAJIAN

1. Unsur-unsur metafora dalam Jangan Bunuh Rama-Rama.
2. Kesan Unsur Metafora di dalam penghasilan Drama Jangan Bunuh Rama-Rama.

3.6 Kesimpulan

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan deskriptif dalam kaedah analisis teks dan dokumen, sumber internet untuk merungkaikan unsur-unsur metafora dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* karya Noordin Hassan: Aplikasi Teori Stilistik. Setiap kaedah kajian yang digunakan adalah untuk memperolehi maklumat dengan lebih mudah untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan kaedah yang dipilih untuk memastikan setiap maklumat diambil dengan tepat dalam memastikan setiap maklumat dicari dapat membantu pengkaji memperolehi data serta fakta atau pendapat dari sumber internet atau teks dan juga dokumen. Dengan keadaan yang melanda negara kita telah menghadkan pergerakan para pengkaji untuk melakukan kajian seperti ke perpustakaan, mencari maklumat dengan responden orang ramai dan dengan kaedah sumber internet dapat memudahkan lagi para pengkaji untuk mencari maklumat melalui hujung jari sahaja. Pelbagai platform kemudahan disediakan sudah cukup membantu mencari maklumat dengan lebih mudah dan hasil yang diperolehi juga tepat dan sah. Hal ini jelas bahawa kaedah kajian yang dipilih sangat memberi kemudahan dan membantu pengkaji dalam menyiapkan tugas kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Pada bab 4 ini merupakan bahagian yang akan merungkaikan dan menyatakan segala bentuk maklumat yang diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan kepada objektif kajian serta tajuk yang telah dipilih. Bab 4 ini iaitu dapatan kajian merupakan satu perkara penting dalam setiap projek penyelidikan kerana ia menjawab setiap permasalahan dan objektif kajian seperti yang dinyatakan. Kajian ini akan membincangkan unsur-unsur metafora dan kesan terhadap teks dengan penggunaan gaya bahasa metafora. Di dalam bahagian analisis dan dapatan kajian ini akan membincangkan dengan lebih lanjut bagi menjawab kepada objektif iaitu mengenalpasti unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan objektif kedua pula ialah untuk mengkaji bagaimana unsur-unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan terhadap penghasilan drama tersebut. Kajian ini akan dibataskan dengan kajian drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Analisis dan dapatan kajian ini juga diperolehi setelah mengumpul dan mencari maklumat yang bersesuaian dengan tajuk kajian untuk menghasilkan kajian ini dengan baik dan menjawab objektif dengan betul. Di bahagian ini juga memberi pendedahan tentang beberapa maklumat yang berkaitan untuk memberikan lagi kerelevanan tentang kajian ini bagi menyiapkan kajian ini dengan baik dan setiap dapatan kajian memberi satu jawapan yang tepat untuk menyelesaikan objektif dengan baik.

4.2 Unsur-Unsur Metafora

4.2.1 'Embun Rahmat'

Unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama ini merupakan unsur-unsur metafora yang menerbitkan makna yang lain dan makna yang tersirat atau juga dipanggil sebagai bahasa kiasan. Dengan menggunakan gaya bahasa ini setiap apa yang ingin disampaikan di dalam penghasilan karya akan nampak lebih ringkas, tersusun rapi dan padat di dalam setiap susunan bahasa di dalam mana-mana karya. Antara unsur-unsur metafora yang dijumpai di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama ialah 'Embun Rahmat' yang terdiri daripada dua perkataan yang mempunyai makna yang tersirat. Gaya bahasa yang diterapkan adalah bertujuan untuk menambahkan lagi unsur estetika di dalam karya yang dihasilkan dengan cara pengarang dengan gaya yang tersendiri. Walaupun terdapat beberapa lagi gaya bahasa lain yang diterapkan di dalam karya tersebut, akan tetapi unsur-unsur metafora yang digunakan juga dapat menarik perhatian khalayak.

Menurut Za'ba (2003) menyatakan bahawa metafora Melayu juga bersifat sebagai peribahasa yang mengatakan tentang maksud yang diumpamakan ataupun kiasan kepada sesuatu perkara lain. Seperti yang dinyatakan ialah unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama ialah 'Embun Rahmat' yang membawa kepada dua perkataan dengan maksud yang tersendiri iaitu dimana 'Embun' membawa maksud wap air yang turun pada waktu malam disebabkan oleh cuaca yang sejuk. Manakala bagi maksud 'Rahmat' pula ialah belas kasihan dengan harapan mudah-mudahan Allah

melimpahkan kurniaan ataupun berkat kepada seseorang. Disini dapat kita lihat bahawa 'Embun Rahmat' ialah bermaksud sebagai satu doa atau harapan yang dharapkan telah ditunaikan dengan sangat mudah dan juga salah unsur-unsur metafora yang diterapkan oleh pengarang ke dalam karya oleh pengarang dengan membawa maksud yang tersirat.

Metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama menjadikan hasil karya tersebut lebih menarik dengan kesan estetika di dalam karya. Unsur-unsur metafora

menimbulkan kesan estetika dan mempunyai nilai estetika oleh kerana ia akan menjadikan drama tersebut lebih dihayati dengan baik oleh khalayak. Gaya bahasa metafora juga boleh dikatakan sebagai satu ciri-ciri estetika oleh kerana metafora mempunyai ciri-ciri keindahan dengan penggunaan gaya bahasa yang menarik dengan penggunaan unsur-unsur alam iaitu seperti ‘Embun’ iaitu merupakan antara unsur alam dan kejadian alam semula jadi. Dengan menggunakan unsur-unsur alam di dalam karya dan menjadikannya sebagai unsur metafora akan menjadikannya lebih menarik serta menimbulkan keindahan. Tambahan pula, estetika adalah berhubung rapat dengan kesenian dan juga dengan penghasilan karya.

‘Embun Rahmat’ merupakan unsur metafora yang menarik terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama oleh kerana ia menggunakan unsur alam dan sekaligus ia merupakan antara ciri-ciri estetika. Estetika dikatakan mempunyai kaitan dengan gaya bahasa metafora kerana ia adalah merupakan gaya bahasa yang diterapkan ke dalam karya oleh pengarang untuk menimbulkan keindahan pada karya yang dihasilkan. Estetika adalah merupakan satu cabang falsafah yang berkaitan dengan seni, keindahan serta pandangan manusia terhadap estetika, manakala menurut Aristotle yang berpendapat bahawa setiap hasil karya akan memberi satu kesan yang baik dengan pelbagai ilmu. Estetika juga mempunyai fungsi yang tertentu seperti untuk meningkatkan pengetahuan khalayak yang berkaitan dengan beberapa elemen dan juga nilai keindahan dan estetika juga boleh menjadikan pemikiran orang ramai akan lebih sistematik sebagai contohnya hasil karya yang sangat berkualiti dengan gaya bahasa yang menarik.

Seperti yang diketahui bahawa estetika adalah merupakan salah satu perkara yang penting di dalam dunia kesusasteraan. Gaya bahasa metafora adalah salah satu gaya bahasa yang sangat membantu pengarang menjadikan karya yang dihasilkan menjadi lebih bermutu tinggi serta menjadikan nilai karya lebih meningkat. Di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama diterapkan dengan gaya bahasa metafora menjadikan ia lebih menarik. Dapat kita lihat

bahawa unsur-unsur metafora juga mempunyai kaitan dengan estetika oleh kerana ia melambangkan tentang keindahan di dalam penghasilan mana-mana-karya termasuklah dengan drama Jangan Bunuh Rama-Rama.

Unsur-unsur gaya bahasa metafora adalah merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang di dalam hasil karya. Pengarang atau penulis harus bijak dalam mengolah idea dengan susunan ayat yang bersesuaian dan mudah difahami oleh khalayak untuk membaca dan menghayati dengan baik. Di dalam dunia kesusasteraan untuk menghasilkan penulisan yang baik pengarang harus mengolah hasil karya dengan menerbitkan ayat-ayat dengan menggunakan perkataan-perkataan gaya bahasa yang indah dan menarik. Penggunaan gaya bahasa dapat membantu pengarang untuk menghasilkan karya yang lebih tersusun ayat yang digunakan dan ianya nampak lebih kreatif serta menghasilkan nilai estetika serta dengan penggunaan gaya bahasa yang tersendiri. Disebabkan itu pengarang akan menerapkan gaya bahasa untuk menjadikan karya lebih menarik.

Seterusnya, penggunaan unsur-unsur metafora di dalam karya adalah cerminan keperibadian penulis. Teknik penghasilan karya mengikut kepada kreativiti penulis tersebut untuk menerapkan unsur-unsur metafora ke dalam karyanya. Sasterawan negara Noordin Hassan adalah merupakan sasterawan yang banyak menerbitkan drama-drama dengan cerminan keperibadian beliau yang banyak menghasilkan drama-drama yang terbaik dengan kreativiti yang tersendiri dengan penggunaan ayat-ayat yang tersusun dan menarik. Seperti yang dapat kita lihat unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama salah satu daripada hasil karya beliau yang menarik dan mendapat perhatian orang ramai. Di sini dapat kita lihat bahawa pengarang atau penulis akan mengolah idea dengan menggunakan pelbagai gaya bahasa termasuklah unsur-unsur metafora dengan melambangkan kepada cerminan keperibadian pengarang yang bijak dalam mengarang untuk menghasilkan karya yang menarik.

Penggunaan unsur-unsur metafora yang diterapkan ke dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama adalah sangat penting buat pengarang untuk menghasilkan karya yang baik. Pengarang yang berpengalaman akan memasukkan gaya bahasa seperti unsur-unsur metafora bagi mencipta hasil karya yang lebih bermutu serta berestetika. Dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama menunjukkan bahawa pengarangnya iaitu Noordin Hassan bijak dalam menggunakan gaya bahasa seperti unsur-unsur metafora dan oleh itu hasil karyanya sangat menarik dan juga bermutu dengan penggunaan ayat-ayat yang tersirat dan tersurat. Unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama menggambarkan bahawa drama tersebut menepati ciri-ciri kesusasteraan oleh kerana unsur-unsur metafora sudah lama digunakan pada sejarah kehidupan manusia. Dan jelas disini kita lihat bahawa unsur-unsur metafora yang diperolehi di dalam drama tersebut ialah ‘Embun Rahmat’.

Hal ini menunjukkan bahawa ia bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Teori Stilistik yang menerangkan bahawa ia adalah sebagai satu bakat penulis yang kreatif dengan kemampuan yang tersendiri untuk menghasilkan karya dengan unsur metafora yang bersesuaian digunakan di dalam karya yang dihasilkan untuk menarik perhatian khalayak. Unsur metafora yang digunakan adalah sangat bersesuaian dengan prinsip ini dimana ia menekankan kepada kemampuan pengarang itu sendiri untuk menggunakan kelebihan dalam menghasilkan karya yang kreatif dengan bakat yang ada pada diri penulis dan menggunakan kelebihan itu dengan sebaiknya untuk menggunakan bahasa yang dan gaya bahasa yang memenuhi ciri-ciri kesusasteraan iaitu memiliki nilai estetika.

4.3 Unsur-Unsur Metafora Memberi Kesan Terhadap Penghasilan Drama Jangan Bunuh Rama-Rama

4.3.1 Menggerakkan Imajinasi Khalayak

Unsur-unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan yang baik untuk penghasilan drama tersebut dengan penggunaan unsur metafora dapat menggerakkan imaginasi khalayak. Oleh kerana metafora dikatakan sebagai bahasa kiasan yang memerlukan khalayak atau pembaca harus berfikir secara luar kotak untuk memahami setiap penggunaan unsur-unsur metafora di dalam karya tersebut. Setiap unsur-unsur metafora yang digunakan semestinya akan memberi kesan yang menjadikan hasil karya tersebut lebih menarik dan khalayak akan merasakan bahawa setiap unsur-unsur metafora yang digunakan berjaya menambat hati mereka. Unsur-unsur metafora adalah satu gaya bahasa yang mudah difahami oleh khalayak dengan penggunaan ayat yang tidak berat dan menggunakan antara ayat yang tidak asing bagi khalayak. Apa yang dikatakan bahawa unsur-unsur metafora memberi kesan terhadap drama Jangan Bunuh Rama-Rama iaitu dapat meningkatkan dan menggerakkan imaginasi khalayak supaya lebih membantu orang ramai mengenali karya yang dihasilkan dengan kreativiti pengarang dan memberi impak yang positif serta memperolehi faedah yang banyak hasil dari karya Jangan Bunuh Rama-Rama. Pengarang memainkan peranan yang penting untuk memastikan penggunaan unsur-unsur metafora mampu memberi kesan yang baik untuk karya itu sendiri dan juga kepada khalayak serta pembaca.

Melalui penulisan drama ini dapat membantu pembaca untuk membuka minda untuk mentafsir antara unsur-unsur metafora itu dengan menggunakan imaginasi untuk memahami apa yang ingin disampaikan. Apabila khalayak memahami apa yang ingin disampaikan di dalam drama ini bermakna unsur-unsur metafora memberi kesan yang positif kepada hasil karya drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Imaginasi khalayak ialah merupakan bagaimana khalayak tersebut mentafsir sendiri dengan lebih menghayati dan fahami apa yang dimaksudkan dengan gaya bahasa tersebut yang digunakan oleh pengarang di dalam drama ini dan sekaligus ia dapat membantu khalayak lebih mengenali apa itu sastera dan memahami karya sastera. Imaginasi untuk para pembaca mengenai sastera adalah salah satu pemikiran

yang memberikan kebaikan dan perkara yang positif serta negatif kepada individu tersebut dan tambahan pula dengan adanya hasil karya yang bagus untuk pergerakan imaginasi tentang khalayak dengan penggunaan bahasa yang indah. metafora. Karya yang bermutu tinggi ialah antaranya karya yang dapat membuka minda khalayak dengan cara penulisan yang kreatif dan meningkatkan lagi kreativiti khalayak dengan hasil karya yang banyak menerapkan unsur-unsur metafora. Jelas dapat kita lihat bahawa unsur-unsur metafora dapat memberi kesan yang baik terhadap teks drama tersebut dengan menjadikan khalayak lebih meningkatkan daya imaginasi terhadap pembacaan drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* hasil karya Noordin Hassan ini.

Imaginasi juga penting di dalam dunia kesusasteraan kerana ia berkait rapat dengan emosi, ekspresi dan kreativiti seseorang. Selain daripada memberi kesan kepada karya, unsur-unsur metafora juga turut memberi kesan kepada khalayak dan jelas disini kita dapat lihat bahawa unsur-unsur metafora sangat membantu pengarang menghasilkan karya yang baik kepada khalayak yang mengemari karya sastera. Secara ringkasnya, unsur-unsur metafora menjadikan bahan bacaan lebih menarik dan menjadi tarikan kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan teks drama yang dihasilkan dengan imaginasi para pembaca dengan penggunaan gaya bahasa metafora yang terdapat di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama*.

Pendekatan stilistik membantu untuk khalayak memahami makna perkataan yang sukar serta ayat yang kompleks untuk digunakan oleh pengarang adalah salah satu prinsip teori stilistik yang dikemukakan. Oleh hal demikian, ia bersesuaian kerana dengan perkataan yang sukar digunakan oleh pengarang tersebut dapat menggerakkan imaginasi khalayak untuk berfikir secara luar kotak dan sekaligus dapat membantu dalam perkembangan minda yang bagus untuk pembaca. Ini kerana bidang bahasa stilistik adalah satu perkara penting untuk dipelajari sebagai ilmu pengetahuan kepada masyarakat untuk mempelajari tentang bahasa dan ciri-ciri yang bersesuaian untuk menggerakkan imaginasi khalayak supaya lebih banyak perkara

yang boleh dipelajari.

4.3.2 Menimbulkan Kesan Keindahan Di Dalam Drama

Bagaimana unsur-unsur metafora memberi kesan kepada drama Jangan Bunuh Rama-Rama ialah dimana unsur-unsur metafora yang diterapkan ke dalam penulisan drama ini akan menimbulkan kesan keindahan di dalam karya tersebut. Pengarang drama Jangan Bunuh Rama-Rama telah menerapkan unsur metafora yang bagus untuk menghasilkan karya beliau memilikit citra keindahan dengan penggunaan gaya bahasa metafora yang menarik. Keindahan karya kebiasaanya bergantung kepada kreativiti dan imaginasi kreatif penulis untuk menerapkan unsur-unsur yang menimbulkan kesan keindahan di dalam penerbitan karya yang dihasilkan. Karya sastera dan juga keindahan adalah merupakan satu perkara yang sinonim kerana makna kepada kesusasteraan itu sendiri menunjukkan kepada maksud pada awalan 'su' yang bererti kepada baik dan indah, oleh itu penggunaan unsur metafora dianggap sebagai salah satu daripada kesan yang mendatangkan kebaikan di dalam drama ini. Menurut Haji Muhammad Salleh(2000:235) menyatakan bahawa keindahan adalah merupakan salah satu unsur terpenting yang harus ada di dalam hasil karya kesusasteraan. Susunan kata dan bunyi bahasa yang diterapkan ke dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama iaitu unsur-unsur metafora sangat memberi kesan yang positif dari segi keunggulan karya sastera dengan keindahan yang diterapkan dengan gaya bahasa kiasan iaitu unsur-unsur metafora.

Secara asasnya, keindahan yang terletak pada karya sebenarnya memiliki satu daya tarikan yang akan mendorong minat khalayak pembaca kepada hasil karya. Keindahan seperti yang dinyatakan bersifat positif dan baik sama ada kepada pengarang atau khalayak serta dapat membantu manusia lebih merasa nyaman apabila menghayati karya yang dibaca (Muhammad Haji Salleh,2000:234-5). Sebagai contohnya, pembaca membaca drama Jangan Bunuh Rama-Rama yang telah diterapkan dengan unsur-unsur metafora yang menggunakan ayat yang indah

serta menyamakan untuk pembacaan dan akan mendorong minat untuk meneruskan pembacaan tanpa rasa bosan. Kebanyakan khalayak pembaca gemar akan keindahan kerana ianya sesuai dengan sifat semula jadi manusia yang sempurna dan baik susunannya dan bagi memenuhi kehendak manusia yang sentiasa menginginkan keindahan di dalam pelbagai segi seperti contohnya yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Unsur keindahan yang terdapat di dalam karya adalah menunjukkan bahawa karya tersebut adalah merupakan karya yang mengunjurkan perkara-perkara yang berfaedah, bermoral serta beretika dan ini akan menjadikan karya ini lebih baik dan bermutu tinggi serta memberi kesan yang baik terhadap penghasilan karya tersebut. Di sini dapat kita lihat dengan adanya unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama menjadikan drama ini lebih menarik dengan unsur keindahannya.



Rajah 1

Di dalam rajah diatas menunjukkan unsur metafora terkandung di dalam unsur luaran bagi unsur keindahan yang terkandung di dalam karya. Unsur keindahan dan metafora mempunyai kaitan diantaranya adalah kerana keduanya adalah cara bagaimana pengarang menggunakan bahasa sebagai satu alat atau wahana dalam menyampaikan pemikiran atau

pandangan terhadap sesuatu tema dan persoalan melalui teks karya mereka. Di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama menunjukkan bahawa Noordin Hassan mahir dalam menggunakan gaya bahasa yang memancarkan keindahan dalam karya beliau dan sekali gus menonjolkan keperibadiannya sebagai seorang penulis yang memiliki gaya bahasa yang tersendiri. Jelas dapat kita lihat bahawa unsur metafora membawa kesan kebaikan ke dalam penghasilan teks drama ini untuk menarik perhatian kepada semua golongan dengan susunan idea dan olahan yang menarik dan penuh dengan unsur keindahan.

Mengikut kepada prinsip Teori Stilistik ialah di mana pendekatan stilistik ini membincangkan aspek tema yang mempunyai unsur keindahan yang selalu digunakan dengan menggunakan juga pendekatan stuktural kerana ia merujuk kepada keseluruhan ayat dan menjadikan ayat tersebut lebih mempunyai unsur keindahan yang tersendiri. Penggunaan unsur metafora ini dapat menghasilkan karya yang mempunyai tafsiran yang menggunakan unsur keindahan untuk memberi kesan yang mendalam kepada drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Hal ini dapat kita kaitkan bahawa ianya bersesuaian dengan prinsip teori stilistik ini.

4.3.3 Mewujudkan Nilai Estetika Di Dalam Drama

Selain itu, wujudnya nilai estetika di dalam teks drama adalah merupakan salah satu daripada kesan daripada garapan menggunakan unsur metafora di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Unsur metafora dapat mewujudkan nilai estetika oleh kerana gaya bahasa banyak mengandungi unsur alam dan penggunaan bahasa yang bersesuaian dan menjadikannya menepati nilai-nilai estetika dengan tepat. Nilai estetika merupakan satu perkara yang menjadi asas kepada penghasilan drama untuk memastikan jalan cerita yang ingin disampaikan lebih menarik dengan disertai unsur metafora seperti yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Sasterawan negara Noordin Hassan bijak dalam mengetengahkan nilai estetika di dalam karya beliau untuk memastikan khalayak pembaca dapat merasai nilai estetika di

dalam karyanya dengan caranya yang tersendiri untuk menarik perhatian khalayak. Nilai estetika adalah merupakan nilai yang tidak asing untuk mana-mana pengarang dalam menghasilkan karya kerana nilai estetika sering dititikberatkan untuk memastikan hasil karya beliau menepati ciri-ciri kesusasteraan yang sememangnya memerlukan nilai estetika. Bagi mencari nilai estetika yang sebenar pengarang memerlukan penghayatan sama ada dengan melalui penglihatan atau pendengaran dalam mencari makna kebenaran di sebalik maksud seperti contohnya maksud di sebalik unsur metafora yang digunakan di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama*.

Di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* terdapatnya nilai estetika yang telah diterapkan oleh pengarang melalui menggunakan unsur-unsur metafora yang berlandaskan dengan ruang lingkup yang berkaitan dengan estetika serta melibatkan dengan pengalaman, pengamatan dan kreativiti pengarang dalam menghasilkan karya. Nilai estetika juga merupakan ciri-ciri yang penting dalam karya kesusasteraan dalam menentukan penerimaan khalayak mengenai unsur-unsur yang digunakan di dalam karya dan berjaya membuat khalayak pembaca dapat menikmati dengan baik hasil karya dan ia bermakna unsur-unsur seperti metafora yang terkandung di dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* memberi kesan dengan mewujudkan nilai estetika yang bertujuan untuk mendorong minat khalayak. Selain daripada memberi kesan kepada drama tersebut dengan menggarapkan unsur metafora yang membantu memberi kesan nilai estetika ini juga dapat memberi kesan kepada pengarang itu sendiri kerana telah berjaya menghasilkan satu drama yang bermutu tinggi dan berestetika dengan pemilihan kata yang menggambarkan estetika. Metafora yang dikatakan sebagai gaya bahasa kiasan atau perbandingan yang membawa kepada maksud lain dengan sifat yang lebih ringkas dan perkataan yang bersesuaian dan di situ dapat lihat metafora memberi kesan dengan mewujudkan nilai estetika yang bagus buat penghasilan drama tersebut.

Unsur metafora dapat mewujudkan nilai estetika dan memberi kesan yang baik kepada

drama Jangan Bunuh Rama-Rama kerana estetika dapat memberi ketenangan kepada pembaca dan sekaligus menarik perhatian dengan jalan cerita drama tersebut. Unsur-unsur metafora sangat penting dimasukkan ke dalam mana-mana karya selain daripada drama sebagai contoh dimasukkan ke dalam puisi, cerpen, sajak, novel dan banyak lagi, oleh kerana bertujuan untuk mewujudkan nilai estetika bagi mewarnai drama Jangan Bunuh Rama-Rama dengan menggunakan unsur metafora. Estetika di dalam karya juga terletak kepada kemahiran dan kebijaksanaan pengarang untuk menterjemahkan jalan cerita menggunakan gaya bahasa yang dapat menarik minat pembaca. Nilai estetika adalah satu perkara yang sudah sinonim dalam penghasilan karya sastera untuk menjadikan karya tersebut lebih menunjukkan sifat yang sebenar dengan menggunakan unsur-unsur estetika yang bersesuaian dengan kreativiti pengarang untuk menarik perhatian khalayak dengan penggunaan nilai estetika yang tepat dan menarik.

Jelas bahawa nilai estetika harus diterapkan ke dalam karya oleh kerana mengikut kepada prinsip teori stilistik ada menyatakan bahawa pendekatan stilistik amat menekankan penelitian terhadap penghasilan sesebuah karya dengan bahasa yang digunakan. Pendekatan stilistik bukan sahaja menitikberatkan perihal bahasa yang digunakan untuk kefahaman khalayak akan tetapi ia memberi penekanan yang lebih supaya penghasilan karya akan lebih bermutu dengan adanya unsur bahasa yang menggambarkan nilai estetika dimana ia semamangnya ialah nilai yang perlu ada pada ciri kesusasteraan dalam menghasilkan karya yang bagus dan menepati ciri yang tepat. Pengarang harus meneliti setiap penggunaan bahasa yang digunakan untuk memastikan adanya nilai estetika di dalam karya dan bukan sahaja mementingkan jalan cerita tetapi penggunaan bahasa yang harus diteliti dengan baik.

4.3.4 Mengurangkan Penggunaan Bahasa Kasar Di Dalam Drama

Di dalam karya pengarang kebiasaannya kurang menggunakan perkataan yang melebihi batas pemikiran seperti penggunaan bahasa kasar yang mengakibatkan khalayak

kurang senang dengan penyampaian di dalam karya. Seperti yang dinyatakan di dalam huraian di atas jelas mengatakan bahawa karya harus memiliki ciri-ciri keindahan dan berestetika dari segi penggunaan ayat dan gaya bahasa yang melambangkan estetika di dalam penerbitan karya. Pengarang atau penulis drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* kurang menggunakan bahasa kasar akan tetapi beliau menerapkan gaya bahasa yang melambangkan keindahan seperti unsur-unsur metafora bagi mengelakkan penggunaan bahasa kasar. Ini adalah merupakan antara kesan yang diperolehi jika menggarapkan unsur-unsur metafora dan lain-lain untuk menghasilkan sebuah karya yang bagus. Bahasa kasar atau bahasa yang melebihi dari segi maksudnya seeloknya tidak digunakan di dalam penghasilan karya kerana ia dapat menunjukkan sisi yang tidak baik dan memberi kesan yang negatif kepada karya dan sekaligus menunjukkan cerminan keperibadian pengarang yang tidak baik kerana menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya dan kurang memberi makna yang indah di dalam karya. Penggunaan bahasa dan ayat yang baik adalah sangat penting di dalam dunia kesusasteraan kerana kesusasteraan melambangkan kepada perkara-perkara yang baik dan indah, oleh itu penggunaan bahasa kasar harus dielakkan demi menjaga bahasa di dalam kesusasteraan.

Antara kepentingan menggunakan unsur-unsur metafora ialah bagi memberi perkara yang positif kepada pembaca, ini kerana jika bahasa yang kasar digunakan di dalam menghasilkan karya ia akan meninggalkan kesan yang tidak baik kepada pembaca apabila mereka menghayati karya sastera yang dibaca (Kamarudin Hj.Husin dan Siti Hajar Hj Abdul Aziz,1998:71). Selain itu, bahasa di dalam karya sastera harus menepati ciri-ciri yang sedia ada dan tidak menggunakan bahasa yang mencacatkan keindahan sastera dan boleh menyebabkan khalayak turut menggunakan bahasa yang tidak betul dengan ini orang ramai akan memandang serong akan hasil karya sastera kerana mendatangkan keburukan kepada khalayak atau pembaca. Kesan daripada penggunaan unsur metafora di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* ialah adalah dapat mengurangkan penggunaan bahasa kasar dan juga dapat mendidik

khalayak dari pelbagai segi umur dan bangsa lebih menghargai bahasa yang digunakan di dalam karya sastera Melayu dan ini turut memberi kebaikan di dalam bidang kesusasteraan. Penggunaan bahasa kasar di dalam karya akan memberikan kesan yang negatif kerana bahasa yang indah akan tenggelam dan menyebabkan mencacatkan bahasa apabila percampuran bahasa dimasukkan ke dalam karya sehingga dapat merosotkan mutu karya tersebut. Penggunaan unsur-unsur metafora sangat membantu pengarang untuk mengurangkan dan mengelak daripada menggunakan bahasa-bahasa yang tidak sepatutnya.

Karya yang banyak menerapkan unsur-unsur yang baik dan indah seperti yang dapat dilihat melalui karya Noordin Hassan ini dapat menjadikan karya tersebut lebih dihargai dan mendapat sokongan dari para pembaca oleh kerana ayat yang digunakan memberi kesan yang positif dan tidak menggunakan bahasa yang melampau. Penggunaan bahasa yang baik dan indah bukan sahaja diterapkan ke dalam karya tetapi kita sebagai seorang individu mestilah bersikap sopan dan beradab dengan menuturkan bahasa-bahasa yang tidak sedap didengar kerana melalui percakapan kita ia akan melambangkan keperibadian kita dengan sikap yang sebegitu. Secara mudahnya unsur-unsur metafora sangat memberi kelainan di dalam karya dengan disokong dengan unsur-unsur yang lain kerana memberi kesan yang positif kepada karya Jangan Bunuh Rama-Rama secara langsung memberi kebaikan kepada karya. Pengarang menggunakan kreativiti bagi mencetuskan idea untuk mendapatkan bahasa-bahasa dan menerapkan unsur metafora bagi mengurangkan bahasa yang tidak sepatutnya dan dapat mengelak dari menggunakan bahasa yang kasar.

Penggunaan unsur metafora ini dapat mengurangkan penggunaan bahasa yang kurang baik dan ini bersesuaian dengan prinsip Teori Stilistik dimana pendekatan ini mampu memperlihatkan gaya keperibadian seseorang. Penggunaan bahasa yang kurang baik akan memaparkan keperibadian seseorang dari segi negatif oleh itu penggunaan bahasa yang indah seperti menerapkan unsur metafora dapat memberi gambaran bahawa keperibadian pengarang

atau penulis adalah seorang yang suka akan keindahan dan bersifat baik kerana lebih menggunakan unsur gaya bahasa daripada menggunakan perkataan yang kasar dan kurang elok untuk pembaca bagi masyarakat.

4.3.5 Cerminan Emosi, Pemikiran dan Jati diri Bangsa

Selanjutnya ialah, penggunaan unsur-unsur metafora di dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* memberi kesan seperti cerminan emosi, pemikiran dan jati diri bangsa apabila pembaca menghayati apa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Selain daripada itu, unsur metafora juga memberi kesan yang baik kepada karya ini oleh kerana ia akan mempengaruhi khalayak dari segi komunikasi atau aktiviti berbahasa pembaca sama ada berbahasa secara lisan ataupun tulisan dalam menyampaikan makna yang tersirat dengan menggunakan unsur metafora. Makna tersirat yang terkandung di dalam unsur metafora boleh menjadikan bahasa Melayu itu sangat istimewa dan apabila digunakan di dalam karya akan lebih mendapat perhatian dari pembaca kerana penggunaan bahasa Melayu yang tersirat tetapi mempunyai keistimewaan tersendiri dengan pelbagai kiasan. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin, (2014) menjelaskan bahawa metafora yang diterapkan ke dalam hasil karya memerlukan penelitian yang mendalam untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar yang cuba disampaikan. Hal ini yang demikian, unsur metafora diterapkan ke dalam karya sastera Melayu kerana Swettenham(1895,2016) telah memerihalkan bahawa orang Melayu adalah merupakan antara khalayak yang sangat petah berkata-kata dengan menggunakan kiasan dan ini menunjukkan masyarakat Melayu sering menggunakan metafora sebagai komunikasi mereka sejak dahulu lagi dan mahir dalam menggunakan unsur metafora dan oleh itu, unsur metafora yang digarapkan ke dalam karya memberi kesan yang baik kerana ia dapat meneruskan untuk generasi kini sebagai cerminan emosi, pemikiran dan jati diri bangsa.

Cerminan emosi adalah bermaksud bahawa melalui karya pengarang lebih cenderung

akan memanfaatkan unsur metafora yang digarapkan untuk mengekspresikan emosi beliau secara abstrak dan subjektif kerana emosi ini agak sukar untuk difahami melalui bahasa literal dan ini adalah memberi satu kelebihan kepada teks drama kerana ia dihasilkan oleh emosi pengarang itu sendiri. Unsur metafora yang terdapat di dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* misalnya telah menimbulkan keindahan bahasa dan memberi nilai estetika dalam teks tersebut sebagai salah satu cara untuk menyalurkan pemikiran, kekreatifan dan kepintaran kepada masyarakat Melayu melalui pembacaan teks drama ini. Jelas juga dapat kita lihat bahawa unsur metafora bukan sahaja dianggap sebagai bahasa yang berbunga-bunga, tetapi unsur metafora adalah merupakan salah satu cara pemikiran atau saluran dalam menyampaikan maklumat, makna atau maksud secara tersirat yang mencerminkan emosi pengguna bahasa. Secara tidak langsung, unsur metafora yang diterapkan dapat memancarkan pemikiran, akal budi dan kebijaksanaan bangsa Melayu dalam kemahiran berbahasa dan pengarang juga akan turut memberi faedah dan membantu khalayak dengan melalui teks karya yang ditulisnya. Manakala bagi jati diri pula ia melibatkan kepada jati diri dalam berkomunikasi kerana dengan penggunaan bahasa yang baik diambil contoh dari teks karya yang baik, sopan, beradab dapat menunjukkan jati diri bangsa yang bertamadun dan memelihara adab sebagai orang Melayu.

Ringkasnya, unsur metafora di dalam karya menunjukkan bahawa ia membawa kesan kepada teks karya sekaligus kepada masyarakat Melayu dengan penggunaan unsur metafora dapat menggambarkan cerminan emosi di dalam karya melalui pengarang untuk membantu masyarakat dalam pemikiran berbahasa dan membangkitkan jati diri sebagai bangsa Melayu menggunakan bahasa-bahasa yang sopan dan beradab. Menurut Syed Ali Tawfik Al Attas (26 Mei 2018) ada menyatakan bahawa bahasa dan pemikiran adalah saling mempengaruhi dan oleh itu jika penggunaan bahasa tidak digunakan dengan sama ada secara tulisan atau lisan akan menyebabkan kita kehilangan bahasa dan cara masyarakat berfikir juga akan terkesan dan kaedah pemikiran akan berubah. Jelas disini unsur metafora turut memainkan peranan penting

bagi mendapatkan hasil karya yang bagus dengan bahasa-bahasa yang bagus dan baik untuk khalayak pembaca.


Pendekatan stilistik selain digunakan untuk menganalisis proses penghasilan sesebuah karya juga digunakan untuk menghuraikan penerimaan dan penghargaan pembaca atau khalayak terhadap sesebuah karya. Cerminan emosi adalah merupakan bagaimana khalayak dapat menerima hasil karya yang dihasilkan sama ada ia memberi kesan emosi seperti sedih, gembira, dan juga emosi yang lain. Penerimaan khalayak kepada hasil karya adalah sangat penting kepada karya tersebut untuk meningkatkan mutu karya itu dan pengarang itu sendiri harus bijak dalam memainkan peranan untuk menjadikan karya itu diterima dan dihargai oleh khalayak terutamanya dari segi emosi.


4.3.6 Menarik Perhatian Khalayak Kepada Dram

Unsur metafora memberi kesan ke dalam karya *Jangan Bunuh Rama-Rama* antaranya termasuklah dapat menarik perhatian pembaca terhadap karya ini. Hal ini seperti dianggap sebagai satu hal yang biasa akan tetapi di dalam dunia sastera hal ini sangat dititikberatkan dan menjadi satu perkara yang harus pengarang khawatiri. Penggunaan gaya bahasa yang menarik akan menjadi satu tarikan kepada pembaca selain daripada jalan cerita dan cara menyampaikan setiap apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Metafora juga dapat memberi kesan kepada karya dengan menghasilkan satu gaya bahasa yang menarik untuk mendapatkan perhatian daripada pembaca dengan gaya bahasa yang baru dan boleh dipelajari oleh semua golongan masyarakat tanpa mengenal bangsa dan peringkat umur. Penggunaan unsur-unsur gaya bahasa yang kurang memuaskan akan menyebabkan khalayak tidak dapat menerima apa yang digarapkan dan tidak minat untuk terus membaca dan hal ini akan meninggalkan kesan yang dapat menjejaskan mutu karya dan prestasi pengarang. Pengarang atau penulis dapat menggunakan unsur metafora di dalam karya sebagai medium untuk menarik minat pembaca

dan pengkaji juga mendapati medium yang digunakan oleh Noordin Hassan ini lebih dekat untuk diterima oleh pembaca. Pengkaji tidak menafikan bahawa Noordin Hassan bijak dalam menggunakan pelbagai medium untuk mendorong minat masyarakat untuk membaca.

Selanjutnya ialah drama Jangan Bunuh Rama-Rama jelas terbukti memberi kesan dan dapat menarik minat pembaca dan bagi yang menggemari karya sastera. Drama Jangan Bunuh Rama-Rama telah dipentaskan pada persembahan teater dan mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Persembahan teater ini menunjukkan bahawa drama ini mendapat sambutan yang baik dihasilkan oleh sasterawan negara Datuk Noordin Hassan. Drama ini telah dipilih untuk dipentaskan pada 8 Disember 2019 sempena Gempita Sasterawan Negara di Auditorium Daeng Chelak bertempat di Selangor dan pengarah bagi persembahan teater ini ialah Amran Nasruddin. Hasil daripada persembahan teater tersebut mendapat komen yang positif dari khalayak yang menonton dan mengetahui isi dan jalan cerita di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama sangat memberi kesan dan mendorong minat khalayak pembaca. Selain daripada unsur-unsur lain yang digarapkan di dalam drama ini, unsur metafora adalah salah satu yang menjadi dorongan untuk membuktikan bahawa unsur metafora dapat memberi kesan yang menarik minat khalayak pembaca. Dibawah adalah merupakan tangkapan skrin yang diambil sumber dari youtube iaitu persembahan teater Jangan Bunuh Rama-Rama:





Rajah 2

Sumber: Youtube Padat TV

4.3.7 Berkesan Menyampaikan Sesuatu Di Dalam Drama

Metafora wujud dalam kehidupan seharian manusia melalui bahasa, pemikiran dan tindakan manusia. Manusia sejak zaman dahulu lagi telah menggunakan bahasa yang mempunyai unsur metafora kerana ia bukan sahaja kedengaran lembut bahasa tetapi ia juga turut berunsur dengan kelucuan dan ini dapat memberi satu kesan yang baik kepada karya teks ini dan membantu pengarang menghasilkan karya yang kreatif mengikut kepada pemikiran orang zaman dahulu. Dengan melalui mengarapkan metafora ke dalam teks karya ia adalah satu penerimaan yang baik kerana ia mendorong kepada pemikiran membaca dan khalayak akan menerima satu faedah yang baik dan bermanfaat. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ia menjadi satu keperluan untuk pengarang menggunakan gaya bahasa metafora selain daripada gaya bahasa yang lain kerana unsur metafora juga berfungsi untuk menyampaikan sesuatu dengan gaya yang tersendiri dan dapat menilai sejauhmana pemikiran masyarakat terhadap unsur metafora yang digunakan di dalam karya yang dijelaskan iaitu drama *Jangan Bunuh*

Rama-Rama. Hal ini yang demikian bukan sahaja kepada karya mendapat kesan malah turut kepada pengarang kerana menghasilkan karya yang penuh dengan idea yang kreatif kerana dapat menyampaikan sesuatu dengan unsur metafora yang ringkas tetapi padat dan berjaya menyampaikan sesuatu dengan baik.

Metafora adalah cara yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu yang bersesuaian dengan maksudnya dan apa yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama. Unsur metafora bukan sahaja lembut pada pendengaran tetapi unsur metafora juga turut memiliki unsur kelucuan dan ada diantara unsur metafora ini dapat dijadikan sebagai sindiran tetapi ia tidak akan menjadikan pendengar sakit hati dengan bahasa yang digunakan walaupun sindiran tersebut ditujukan kepadanya dan dengan cara ini pengarang dapat memasukkan unsur metafora sebagai sindiran untuk khalayak dengan cara yang halus dan tidak menyakitkan hati sesiapa dengan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu. Sejak dahulu lagi unsur metafora dipenuhi dengan idea yang kreatif yang tidak jauh daripada unsur-unsur kiasan dalam seperti memberi sindiran, menyampaikan nasihat, kasih sayang dan sebagainya. Unsur metafora di dalam karya dikatakan bersesuaian untuk menyampaikan sesuatu oleh kerana penggunaan unsur metafora adalah berkait rapat dengan kepercayaan, sikap dan nilai masyarakat. Dengan ini dapat menyokong lagi bahawa penggunaan metafora di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama bersesuaian digunakan di dalam teks kerana ia berfungsi dan berkesan untuk teks tersebut dengan kefahaman yang jelas tentang apa yang ingin disampaikan.

Jelas dapat kita lihat bahawa unsur metafora juga mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk digarapkan ke dalam karya untuk menyampaikan sesuatu dengan lebih mudah dan kreatif dengan gaya yang tersendiri oleh pengarang. Metafora memberi satu manfaat kepada karya supaya lebih bermutu dengan cara penyampaian yang terbaik dan rapat dengan masyarakat yang sejak dahulu lagi sudah menggunakan bahasa yang mengandungi metafora.

Penggunaan metafora ini sudah terbukti sejak sekian lama ia dapat menyampaikan sesuatu dengan melalui kehidupan masyarakat menunjukkan tahap pemikiran bermula sejak dahulu lagi kerana masyarakat dahulu mampu mencipta pelbagai bentuk metafora yang menjadi kekayaan warisan bangsa. Sekian lama masyarakat sudah menunjukkan bahawa metafora memberi kesan ke dalam mana-mana penggunaanya sama ada melalui lisan atau tulisan.

Melalui pendekatan stilistik huraian terhadap pemilihan diksi, pembentukan perkataan dan ayat dapat dilakukan dengan lebih baik supaya penyampaian di dalam karya itu lebih jelas dengan pemilihan gaya bahasa yang betul. Ayat yang diguna dan dipilih seperti unsur metafora juga turut memainkan peranan penting untuk memastikan apa yang ingin disampaikan memberi kesan kepada khalayak dan di dalam drama itu sendiri. Jika khalayak dapat merasakan apa yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam drama itu bermakna pilihan gaya bahasa atau ayat adalah menepati dan mudah difahami dengan baik.

4.3.8 Gambaran Yang Jelas dan Tepat Kepada Khalayak

Pengarang dapat menyampaikan sesuatu dengan jelas dan tepat kepada khalayak pembaca. Ini adalah merupakan salah satu kesan yang dapat dimanfaatkan ke dalam karya drama Jangan Bunuh Rama-Rama dengan penggunaan unsur metafora ke dalam karya. Sastera bukan sahaja sesuatu yang kosong tanpa makna yang jelas serta tepat tetapi ia harus dipenuhi dengan pelbagai gambaran yang boleh difahami oleh masyarakat dengan senang kerana gambaran yang sudah diberikan lebih jelas dan tidak mendatang sebarang masalah kepada pembaca. Unsur metafora yang diselitkan ke dalam karya dapat juga memberikan satu gambaran yang jelas dengan penggunaan bahasa kiasan tetapi ia masih memberi kefahaman yang baik kepada pembaca dan ini bermakna unsur metafora bukan gaya bahasa yang sukar untuk difahami tetapi ia lebih memberi kefahaman yang jelas dan tepat. Keupayaan pengarang dalam menggunakan bahasa dengan sebaik mungkin akan menghasilkan penulisan yang

berupaya memberi impak positif yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi pembaca.

Drama yang dihasilkan perlulah menggunakan gaya bahasa yang indah untuk menyampaikan sesuatu cerita dengan jelas dan tepat kepada masyarakat kerana ia memberi kesan yang tersendiri kepada pembaca dengan melalui unsur metafora yang diterapkan dapat menambahkan lagi ketepatan di dalam drama. Oleh hal demikian, penulisan yang baik dan berkesan haruslah mempunyai unsur metafora yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah difahami oleh pembaca dan umum mengetahui bahawa pengarang kebiasaanya menghasilkan sesuatu karya dengan cara yang berbeza kerana setiap penulisan ini mempunyai fungsinya yang tersendiri dan gaya penulisannya juga berbeza antara satu sama lain. Bagi memantapkan lagi penggunaan unsur metafora di dalam karya pengarang di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* telah menggunakannya dengan situasi yang tepat dan sesuai dengan keadaan yang sedang berlaku bagi memastikan apa yang ingin disampaikan jelas dan tidak berlaku salah faham dengan penggunaan unsur metafora di dalam karya. Setiap pengarang akan sedaya upaya untuk mencari satu gaya bahasa yang terbaik sebagai satu cara menarik minat pembaca di samping untuk menghasilkan satu karya yang benar-benar bermutu oleh itu setiap di dalam karya yang dibaca akan tersua dengan berbagai gaya bahasa yang menarik dan kemahiran menggunakan gaya bahasa seperti metafora ini adalah sebagai satu kekuatan berkarya bagi seorang pengarang untuk menyampaikan jalan cerita dengan baik dan jelas.

Tuntasnya, unsur metafora adalah merupakan salah satu penggunaan bahasa yang kerap digunakan untuk menambahkan lagi gambaran yang jelas dan tepat ke dalam drama dan ia menjadi satu kelebihan kepada drama tersebut kerana mampu menghasilkan penggunaan unsur metafora yang baik dan menarik. Tambahan pula menurut kepada Siti Hajar Abdul Aziz (2011) ada menyatakan bahawa gaya bahasa seperti contohnya unsur metafora boleh menjadi sebagai salah satu komponen yang penting dalam sesebuah karya kerana kejayaan dalam menghasilkan karya sastera banyak bergantung pada kekuatan dan keindahan bahasa yang digunakan oleh

pengarang agar dapat menyampaikannya dengan jelas dan tepat. Drama Jangan Bunuh Rama-Rama diterapkn dengan unsur metafora dan sekaligus pengarang dapat menyampaikan jalan cerita yang jelas dan tepat kemudian ia turut memberi kesan kepada pembaca.

4.2.9 Penggunaan Bahasa Yang Ringkas, Padat dan Tersusun Rapat

Unsur metafora juga turut memberi kesan ke dalam karya dari segi penggunaan bahasa yang lebih ringkas, padat dan juga setiap susunan ayat akan lebih teratur dan lebih menarik. Penyampaian jalan cerita dengan gaya bahasa yang lebih ringkas dan padat akan memberikan keberkesanan terhadap penyampaian idea penulis kepada pembaca dengan melalui garapan unsur metafora yang mempunyai maksud yang bersesuaian dengan jalan cerita. Pengarang Jangan Bunuh Rama-Rama mengambil langkah yang bijak dalam menggunakan gaya bahasa unsur metafora di dalam drama tersebut agar ia nampak ringkas akan tetapi penyampaian yang padat dan pengarang juga tidak menghuraikan apa yang ingin disampaikan dengan perkataan atau ayat dengan penerangan yang berlebihan berkaitan dengan satu situasi atau keadaan di dalam drama ini. Dengan penggunaan unsur metafora dapat membantu pengarang menggunakan bahasa yang lebih ringkas dan memberi pengetahuan kepada pembaca berkaitan dengan idea unsur metafora yang ingin disampaikan. Keadaan ini akan memudahkan lagi khalayak pembaca memahami dan mempelajari perkataan-perkataan baru yang ringkas tetapi padat dari unsur metafora yang dimasukkan ke dalam drama ini. Seterusnya ciri pengarang ini turut dapat dilihat bahawa beliau adalah merupakan seorang pengarang yang mahir dalam menggunakan unsur metafora yang lebih ringkas untuk menarik minat pembaca kepada hasil karyanya.

Menurut kepada sinopsis drama Jangan Bunuh Rama-Rama ia mengisahkan kehidupan dan sifat-sifat dalam diri manusia yang sentiasa bertentangan antara kebaikan dan keburukan. Manusia perlu mempunyai keimanan yang kuat untuk membuat pilihan antara kedua-dua sifat

ini. Mengenai pemikiran di dalam drama ini adalah merupakan berkaitan dengan keagamaan yang mendalam dapat menentukan ke arah pilihan yang betul. Oleh hal demikian pengarang menggunakan gaya bahasa unsur metafora ke dalam drama ini agar ia bersesuaian dengan tema dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh beliau dan dengan itu penyampaian cerita ini akan lebih jelas serta tersusun rapat dan penggunaan unsur metafora bersesuaian dengan tema keagamaan di dalam drama ini. Selain itu, bahasa yang lebih ringkas dan padat dapat menyampaikan segala pengajaran dan nilai yang ingin dikemukakan oleh pengarang di dalam karya tersebut dengan lebih mudah dengan penggunaan unsur metafora agar pembaca akan lebih terkesan akan pengajaran dan nilai-nilai murni di dalam karya.

Secara keseluruhannya, kebolehan untuk menghasilkan satu metafora yang sempurna, ringkas dan padat dalam sesuatu penulisan adalah amat penting oleh itu ramai pengarang mengelakkan penggunaan ayat yang berlebihan dalam penulisan teks drama ini. Penggunaan gaya bahasa yang tergantung, tidak mantap dan bahasa yang tidak dijelaskan dengan sempurna akan menyukarkan pembaca untuk menghayati penggunaan gaya bahasa tersebut. Oleh yang demikian, pengarang di dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* telah menitikberatkan perkara ini dengan mengelakkan penerangan atau pemilihan gaya bahasa yang berlebih-lebihan dengan menggantikan penggunaan gaya bahasa yang lebih ringkas dan padat di dalam teks drama kerana ia akan memberi kesan yang baik kepada hasil karya itu sendiri.

4.4 Penutup

Di dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* memaparkan unsur metafora yang terdapat dapat dianalisis dengan baik dan teliti. Unsur metafora yang digarapkan ke dalam *Jangan Bunuh Rama-Rama* telah dimasukkan dengan perkataan perkataan yang ringan dan mudah diterima oleh segenap generasi masyarakat yang telah membaca teks drama ini. Selain itu, di dalam bahagian analisis ini juga turut mengkaji bagaimana unsur metafora memberi kesan

kepada penghasilan drama ini antaranya adalah seperti ia dapat menggerakkan imaginasi khalayak pembaca, menimbulkan kesan keindahan di dalam drama, mewujudkan nilai estetika dalam drama, mengurangkan penggunaan bahasa kasar, cerminan emosi, pemikiran, dan jati diri bangsa dan lain-lain. Dengan ini pengkaji berharap unsur metafora menjadi satu tarikan buat orang ramai untuk terus membuat kajian mengenai metafora kerana ia memberikan kebaikan dan kesan yang positif untuk menghasilkan karya yang bermutu tinggi.



BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh dengan ringkas mengenai kajian yang telah dilakukan dan akan disertakan dengan rumusan yang berkaitan dengan dapatan hasil daripada ketiga-tiga analisis kajian yang telah dinyatakan. Di dalam hal ini, perbincangan yang dibuat akan menjadi sebagai satu ukuran terhadap potensi di dalam keberkesanan dapatan maklumat yang telah diperolehi di dalam proses untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain daripada itu, di dalam bahagian ini juga pengkaji akan mengemukakan dan memberi beberapa cadangan beserta saranan yang relevan bagi membantu dan memudahkan pengkaji-pengkaji lain di masa yang akan datang untuk merangka perancangan yang bersesuaian untuk melakukan kajian terhadap unsur-unsur metafora serta kesan terhadap Jangan Bunuh Rama-Rama ini. Oleh yang demikian, penghasilan projek penyelidikan ini dapat membantu sedikit sebanyak dalam memberi pengkaji-pengkaji lain untuk mencapai maklumat yang diinginkan untuk melengkapkan kajian mereka. Dalam meningkatkan penggunaan gaya bahasa metafora ini, sejujurnya memerlukan satu pengetahuan yang mampan di dalam diri pengarang atau penulis untuk menghasilkan satu karya yang bermutu tinggi serta memberi kesan yang baik kepada khalayak tidak kira dari pelbagai segi umur. Kajian ini juga sekadar sebagai rujukan kepada pengkaji malah juga dapat memberikan satu pengetahuan kepada pelajar-pelajar serta khalayak ramai untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai unsur metafora ini.

5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini membuat satu analisis yang merumuskan kepada objektif kajian dalam aspek unsur metafora dan kesan unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama. Hasil analisis menunjukkan terdapat unsur metafora di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama dan kesan-kesan yang positif terhadap penghasilan karya oleh sasterawan negara iaitu Noordin Hassan dalam karyanya Jangan Bunuh Rama-Rama. Dapat dilihat bahawa gaya bahasa metafora turut memainkan peranan yang bagus dan baik serta memberi keuntungan kepada pengarang itu sendiri kerana bijak dalam menggunakan unsur yang memberi pelbagai kesan dan kebaikan kepada khalayak. Penggunaan unsur metafora juga dikenali sebagai satu bahasa yang bersifat figuratif dan juga denotasi di mana ia menggunakan perkataan tersirat di dalam sesuatu teks untuk menyampaikan makna secara tersirat. Seperti yang dapat kita lihat di dalam karya-karya teks Melayu lain juga sangat menitikberatkan soal yang berkaitan dengan teks yang ditulis secara kiasan dan kesantunan dalam menulis bagi menyampaikan satu makna yang sebenar dan terutama sekali di dalam kalangan masyarakat Melayu yang sudah sedia tahu memang terkenal dengan penggunaan dan penerapan nilai estetika dalam pemilihan dan juga penggunaan sesuatu perkataan di dalam karya-karya sastera.

Perbincangan mengenai dapatan kajian ini dilakukan berdasarkan kepada penganalisan maklumat yang diperolehi daripada kedua-dua analisis objektif kajian yang telah diulas dengan secara terperinci di dalam penulisan bab 4 seperti mana yang dinyatakan di atas. Setelah kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif dan juga persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih mendekat terhadap unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama ini. Dari segi kelebihan serta kebaikan penggunaan gaya bahasa metafora di dalam mana-mana karya sastera ini menjadikan ia sebuah karya yang mampu menjadi tumpuan khalayak dalam menikmati hasil karya yang mempunyai ciri-ciri estetika. Mana tidaknya, unsur-unsur metafora ini memiliki satu struktur yang mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam menimbulkan nilai estetika dan ini dapat membantu pengarang menghasilkan

satu idea yang sangat bagus serta kreatif kerana penggunaan metafora yang menggunakan bahasa kiasan serta juga turut menggunakan perkataan daripada flora dan fauna contohnya adalah seperti ‘ombak’, ‘awan’, ‘embun’ dan pelbagai lagi perkataan yang melibatkan kepada nilai-nilai estetika. Dengan berbekalkan kepada metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama ini dapat menunjukkan bahawa unsur metafora digunakan di dalam penghasilan karya ini pengarang atau penulis bagi menunjukkan nilai estetika walaupun penerapan unsur metafora ini tidak banyak tetapi ia tetap memberi kesan yang baik dan juga mampu menarik perhatian khalayak dan pengkaji seperti saya untuk melakukan kajian terhadap unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama hasil karya Noordin Hassan ini. Hasil analisis mendapati satu sahaja unsur metafora yang terdapat di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama dan ia menjadi fokus utama kepada pengkaji lain untuk menghuraikan antara gaya bahasa yang terdapat di dalam drama tersebut akan tetapi selain daripada gaya bahasa unsur metafora terdapat beberapa lagi gaya bahasa lain yang terdapat di dalam drama itu seperti contohnya ialah simile, anafora dan lain-lain. Seterusnya, dari segi pemerhatian pengkaji kepada unsur metafora di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama, pengkaji dapat mengetahui tentang adanya penggunaan unsur metafora di dalam penghasilan karya itu selain daripada unsur gaya bahasa yang lain. Hal ini dapat dilihat bahawa apabila penggunaan gaya bahasa metafora memberi kesan dan menarik perhatian di dalam kalangan masyarakat yang mempunyai minat akan karya-karya sastera yang diterapkan dengan pelbagai unsur gaya bahasa dan antaranya ialah gaya bahasa metafora sebagaimana yang dikaji oleh pengkaji. Tanpa kita sedari, disebalik unsur-unsur metafora ini terdapat satu kelebihan tersendiri dengan bahasa kiasan yang mempunyai makna yang tersendiri sama ada maksud tersurat atau tersirat.

Dari segi pemerhatian terhadap analisis bagi mencapai objektif kedua pula, unsur metafora yang terdapat di dalam Jangan Bunuh Rama-Rama memberi kesan dan kebaikan

kepada khalayak yang membaca drama Jangan Bunuh Rama-Rama ini. Dalam hal ini dapat kita lihat unsur metafora memberi banyak kebaikan dan kesan yang positif sama ada kepada karya itu sendiri ataupun kepada masyarakat dari dahulu lagi dan sehingga kini. Pengarang bijak dalam menggunakan unsur metafora yang bersesuaian di dalam penghasilan drama untuk menjadikan unsur metafora itu menepati ciri-ciri dan memberi kesan kepada khalayak dengan perkataan yang tidak berat dan mudah difahami. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara kesan penggunaan unsur metafora di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama ialah seperti ia dapat menggerakkan imaginasi khalayak dengan perkataan-perkataan yang menggunakan bahasa kiasan yang tersirat dan tersurat. Selain itu, ia juga turut dapat mewujudkan nilai estetika ke dalam penghasilan drama itu sendiri dengan bahasa-bahasa yang digunakan berunsurkan keindahan yang dapat menarik perhatian khalayak. Oleh itu, analisis untuk memaparkan kesan penggunaan di dalam drama Jangan Bunuh Rama-Rama sememangnya memberi satu pengetahuan baru kepada pengkaji di dalam mencari kesan unsur metafora kepada penghasilan drama ini dengan pelbagai kesan yang memberi kebaikan kepada semua golongan. Oleh itu, hal ini haru diketengahkan bagi memastikan unsur metafora harus lebih digunakan dengan lebih kerap setaraf dengan gaya bahasa yang lain untuk memastikan ia juga turut memberi kesan kepada mana-mana penghasilan karya. Pengarang harus bijak dalam menggunakan bahasa yang mempunyai ciri-ciri yang mendatangkan kebaikan kepada karya tersebut supaya ia mendapat tempat di kalangan masyarakat dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami tetapi penuh dengan nilai estetika ataupun gaya bahasa.

5.3 Implikasi Kajian

Idea dan pemikiran pengarang yang berada di dalam ruang lingkup sastera dilihat sangat memberi impak dalam perkembangan minda, pengetahuan dan kefahaman di kalangan masyarakat. Unsur metafora yang terdiri daripada gaya bahasa yang lain seperti anafora, simile,

hiperbola dan lain-lain yang diterapkan ke dalam penghasilan karya secara langsung mahupun tidak langsung ternyata mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Perkara ini boleh dikatakan sedemikian kerana setiap hasil karya mempunyai penggunaan gaya bahasa yang bertindak sebagai nilai estetika atau keindahan di dalam karya. Penekanan terhadap penggunaan gaya bahasa tidak dapat dinafikan bahawa ia mampu memberi kesan dan impak yang bagus dalam membentuk hasil karya yang bermutu kepada masyarakat untuk mengenali dengan lebih lanjut mengenai penggunaan unsur metafora.

Perlu diakui bahawa melalui pemerhatian, pengarang mampu untuk memupuk daya imaginasi masyarakat yang tinggi dan seterusnya khalayak dapat memahami dan menyelami isi penceritaan yang cuba disampaikan oleh pengkarya di dalam drama tersebut dengan penggunaan gaya bahasa metafora. Diharapkan hasil kajian ini dapat membuktikan tentang kepentingan karya yang diterapkan dengan unsur metafora yang dapat memberi kesan yang baik kepada penghasilan drama *Jangan Bunuh Rama-Rama*. Keseimbangan antara dunia sains dan dunia sastera merupakan asas terpenting dalam pembinaan golongan pelapis atau perintis negara pada masa hadapan.

5.4 Cadangan

Setelah meneliti dan menganalisis kajian secara terperinci, pengkaji mendapati bahawa kajian ini membentuk cara berfikir dan bertindak sama ada pengarang ataupun masyarakat tentang penggunaan unsur metafora di dalam hasil karya. Pengarang harus lebih banyak menerapkan unsur metafora ke dalam karya yang dihasilkan demi memberi kesan yang baik kepada karya tersebut.

Sastera yang diterapkan dengan unsur keindahan seperti unsur metafora dilihat sebagai satu cara untuk menjadikan ayat-ayat di dalam drama lebih menarik dan mampu membantu khalayak berfikir dan bertindak dengan lebih bijak. Sekiranya unsur-unsur metafora ini tidak

wujud, sangat sukar bahkan karya akan kurang menarik bagi menghasilkan dan membina ayat di dalam karya dengan unsur keindahan dan dapat menarik perhatian masyarakat untuk memberi penghargaan terhadap hasil karya itu sendiri. Maka, hasil karya kesusasteraan seperti drama, novel, cerpen dan sebagainya wajar digunakan diterapkan dengan unsur metafora agar dapat meningkatkan lagi mutu karya yang dihasilkan agar drama seperti Jangan Bunuh Rama-Rama mudah dicerna kerana ayatnya yang bersifat estetika dan menghiburkan dengan unsur metafora. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan unsur metafora ini dikenalpasti untuk penyelidik di masa hadapan. Antaranya adalah:

I. Unsur Metafora Didedahkan Kepada Pelajar

Pengkaji berharap agar unsur metafora ini sentiasa digunakan di dalam menghasilkan karya untuk dan menjadi salah satu daripada pilihan gaya bahasa yang lain untuk mewujudkan nilai estetik dalam mana-mana teks. Hal ini harus didedahkan sejak zaman sekolah lagi bagi memudahkan para pelajar mengenali setiap gaya bahasa dan dapat menerapkannya dalam penulisan seperti karangan untuk pada permulaan dalam penulisan yang menarik. Para guru juga harus memainkan peranan untuk memberikan senarai gaya bahasa yang dapat digunakan untuk memantapkan lagi hasil penulisan para pelajar. Hal ini harus dititikberatkan bagi memartabatkan lagi bahasa yang digunakan dalam dunia kesusasteraan

II. Menggalakkan Penggunaan Unsur Metafora

Pengarang harus bijak dalam menggunakan setiap gaya bahasa dan pembinaan ayat sama ada dari segi gaya bahasa metafora ataupun gaya bahasa yang lain. Penggunaan unsur metafora ini harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan pengarang lebih tertarik untuk menggunakan lebih banyak unsur metafora dan diterapkan ke dalam karya

beliau. Sememangnya terdapat banyak lagi gaya bahasa yang lain akan tetapi unsur metafora juga harus ditingkatkan lagi agar dapat membantu pengarang menghasilkan lebih banyak pembinaan gaya bahasa yang menarik dan membuka minda khalayak.

III. Perbanyakkan Kajian Tentang Unsur Metafora

Pengkaji berharap pada masa akan datang terdapat ramai lagi pengkaji lain untuk bersama-sama melakukan kajian terhadap penggunaan unsur metafora ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang kesan penggunaan unsur metafora ini di dalam hasil karya. Unsur metafora ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan dan pelbagai jenis metafora yang dapat kita kaji dengan lebih mendalam dan memahami setiap perbezaan antara metafora dan gaya bahasa yang lain. Pengkaji berharap adanya pengkaji lain untuk melakukan kajian ini dengan lebih mendalam untuk masa yang akan datang.

5.5 Kesimpulan

Diharap agar kajian ini mampu memberi manfaat kepada individu mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan kesusasteraan amnya dan kajian berkaitan dengan unsur metafora ataupun gaya bahasa di dalam teks karya secara khususnya. Permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini tidak hanya tertakluk dalam konteks metafora semata-mata, malahan konteks gaya bahasa yang lain contohnya anafora, simile, hiperbola dan lain-lain juga turut memaparkan permasalahan sedemikian. Justeru itu, pengkaji berharap semoga kajian ini mampu memberi kesedaran kepada banyak pihak tentang penggunaan unsur metafora dalam konteks penghasilan teks drama dan kemudiannya membawa kepada kebaikan untuk masyarakat di dalam dunia kesusasteraan.

RUJUKAN

Jackie Lane Ak Gima, J. L. (2005, May 4). Pengaruh karya artis Malaysia yang berunsur metafora. Welcome to the UNIMAS Institutional Repository - UNIMAS Institutional Repository.

[https://ir.unimas.my/id/eprint/20761/1/Pengaruh%20karya%20artis%20Malaysia%20yang%20berunsur%20metafora%20\(24%20pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/20761/1/Pengaruh%20karya%20artis%20Malaysia%20yang%20berunsur%20metafora%20(24%20pgs).pdf)

Rozaimah Rashidin, R. R. (2015, June). View of Metafora Konsepsi Marah Dalam Data KorpusTeks Tradisional Melayu. Persatuan Linguistik Malaysia | Bahasa Sendi Tamadun Bangsa. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnalli>

Mohamad Yazid Bin Kerya, M. Y., Fatahiyah Binti Mohd Ishak, F. B., & Wan Roslina Binti Wan Ismail, W. R. (2015, December 17). Gaya bahasa dalam teater tradisional Mek Mulung. Welcome toUiTM

Institutional Repository - UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/epr>

Ruzanna Md Ruslan, R. M., & Rozaimah Rashidin, R. (2014, June). View of Skema Imej Dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. Jurnal Linguistik. <https://ejurnal.plm.org>

Jeffri, J. (2015, November 2). Dramajangan bunuh Rama ramat5. Share and Discover Knowledgeon SlideShare. <https://>

Muhammad Al Afzan Bin Ali Hussin, M. A. (2018, March 10). Gaya Bahasa dalam Karya Sastera. Muhammad Al Afzan. <https://cikguafzan96.blogspot.com/2018/03/gaya-bahasa-dalam-karyasastera.html>

Norjietta Julita Binti Taisin, N. J. (2019, January 7). View Of Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusun. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/31/6>

Fariqul Haq Tengku, F. H., & Khazriyati Salehuddin, K. S. (2020, May). Pembacaan Ungkapan literal Dan Metafora Melayu: Satu Kajian Penjejakan mata (Reading Malay literal and metaphoricalexpressions: An eye tracking study) | Tengku | GEMA online® Journal of language studies. UKM e- Journal System. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/38337/10511>

Noriza Daud, N. D. (2007). View of unsur Metafora Dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik.

Journal of International and Comparative Education

(JICE). <https://jice.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9739/6876>

Sulaiman Ismail, S. I., Salmah Ahmad, S. H., & Mohd Nor Abdullah, M. N. (2016, December). Analisis Wacana Metafora Kontrastif Bahasa Melayu dan Arab dari perspektif PraktisSosial.

eImtiyaz. <https://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14841/1/3-%20ulum%20islamiyyah%202018.pdf>

Saripah Banseng, S. B., & Rosline Sandai, R. S. (2017). View of Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam smpI Iban. eJournal UPSI. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1250/904>

Arif Mohamad, A. M., & Norhayati Ab Rahman, N. A. (2017). Google scholar. Google Scholar. https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=dimensi+politik+secara+met+afora+melayu+dalam+novel+anak+mat+lela+gila&btnG=

Mohd Khairul Adenan, M. K., Florence Gilliam Kayad, F. G., & Muhammad Zaid Daud, M. Z. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman | Adenan | Jurnal Kesidang. KUIM Open Journal Systems. <https://journal.kuim.edu.my/index.php/JK/article/view/315/271>

Mohd Faradi Mohamed Ghazali, M. F., & Nordiana Ab. Jabar, N. A. (2021, April). View of Gaya Bahasa Dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A write award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna). International Online Journal of Language, Communication, and Humanities. <https://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/126/57>

Baharudin Bin Mohd. Mohaidin, B. B. (2000, July). Puisi-puisi Dharmawijaya 1960-1990: Satupendekatan Stilistik. Welcome to Universiti Putra Malaysia Institutional Repository - Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. https://psasir.upm.edu.my/id/eprint/8752/1/FBMK_2000_9_A.pdf

Faezah Muhayat, F. H., & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, N. D. (2014, January). View of cerita Adam: Analisis Daripada Perspektif Stilistik. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/91/60>

Zahril Nizam Md Yusoff, M. D., Darwalis Binti Sazan, D. A., Noriah Binti Mohamed, N. O., & Mohd Najib Bin Abdul Rahim, M. N. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah | Md Yusoff | Jurnal Melayu. UKM e-Journal System. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/39101>

Mohd Aidil Subhan, M. A. (2002). Cerpen Remaja Melayu Singapura: Satu Pengamatan Stilistik. NIE Digital Repository. <https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/17108/1/PABSKM-2002- MdAidil a.pdf>

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, N. H. (2005). Pengajaran Gaya Bahasa Dalam Bahasa Melayu. Site Maintenance. https://myjurnal.my/filebank/published_article/24024/Article_2.PDF

Siti Fatimah Radzi, S. F., & Harun Baharudin, H. B. (2019). Analisis Kontrasif Tasybih Dan Istia'rah Dengan Simile Dan Metafora | Radzi | Jurnal ILMI. KUIM Open Journal Systems. <https://journal.kuim.edu.my/index.php/JILMI/article/view/615/499>

Arinah Fansori, A. F. (2017, January). Analisis Stilistika Pada Puisi Kepada Peminta-minta

Karya Chairil Anwar.
<https://journal.lppmunindra.ac.id/index.php/Deiksis/article/view/884/1052>

Suziana Mat Saad, S. M., Nor Hashimah Jalaluddin, N. O., & Imran Ho-Abdullah, I. M. (2018, August). Metafora Konseptual Dan Manifestasi Linguistik dalam Bahasa Melayu Dan Perancis: Satu Analisis Kognitif (Conceptual metaphor and linguistic manifestations in Malay and French: A cognitive analysis) | Mat Saad | GEMA online® Journal of language studies. UKM e-Journal System.
<https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/22651/8340>

Mana Sikana. (n.d.). Halaman Rasmi Jurnal Bahasa – Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/04/1-Wacana-Bahasa.pdf>

Teori stilistik. (2015, October 16). fdocuments.net. <https://fdocuments.net/document/teori-stilistik.html>

Gaya Bahasa metafora. (2013, February 21). Aksara Guru. <https://aksaraguru69.blogspot.com/2013/02/gaya-bahasa-metafora.html>

Bbm3103. (2015, 18). Share and Discover Knowledge on SlideShare. <https://www.slideshare.net/jenny8235/bbm3103>

Hasmah Hassan. (2012, April 24). *Metafora*. MARI BELAJAR. <https://hasmah042790.blogspot.com/2012/10/metafora.html>

Asma Husna Binti Ismail, & Atirah Binti Mohd Riduan. (2014, April 24). *Konsep keindahan melayu klasik, makna dalaman & makna luaran*. Share and Discover Knowledge on SlideShare. <https://www.slideshare.net/geehamid/konsep-keindahan-melayu-klasik-makna-dalaman-makna-luaran>

Estetika Puisi. (n.d.). Arif Puisi. <https://arifpuisi.weebly.com/estetika-puisi.html>

Dr Ratna Puspitasari. (n.d.). *manusia dan estetika*. SMARTCAMPUS IAIN SYEKH NURJATI CIREBON. https://sc.syekhnurjati.ac.id/esscamp/files_dosen/modul/Pertemuan_11CD05003_33.pdf

Nurfazlina Binti Mohd Nazer, Roosapalela Binti Mohd Saidi, Nor Dayana Binti Ab Razak, & Norshuhada Binti Che Mat Hassan. (n.d.). *Estetik dalam karya*. Teratak Karya Agung. <https://teratakhikayat.blogspot.com/p/estetik-dalam-karya.html>

Avila Lona, Dureena, Jasmine, & Steacy. (2014, March 12). *Contoh pembentangan kerja kursus BM Tingkatan 6 2013. "6A1"*. Share and Discover Knowledge on SlideShare. <https://www.slideshare.net/trixiedeangelo/contoh-pembentangan-kerja-kursus-bm-tingkatan-6-2013-6a1>

Dr Rozaimah Rashidin. (n.d.). *Metafora Melayu: Cerminan Emosi, Pemikiran dan Jati Diri Bangsa*. Jabatan Muzium Malaysia | Muzium Kita Tamadun Kita. <https://www.jmm.gov.my/files/SLIDE%20PEMBENTANG%20TEMA%201%20UITM%20-%20Metafora%20Melayu.pdf>



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN